

HADIAH PM NAJIB UNTUK RAKYAT

Buku **HADIAH PM NAJIB UNTUK RAKYAT** merupakan sebuah naskhah yang melakarkan ceritera seorang Perdana Menteri yang mencurahkan segala kudrat yang ada untuk memberi yang terbaik kepada rakyat negara tercinta. Pemberian pelbagai bentuk 'hadiah' ini telah menjelmakan pelbagai bentuk kejayaan dalam pelbagai bidang. Namun, kejayaan ini tidak mungkin dinikmati jika tidak disokong usahawan kecil, sederhana dan besar yang berani mengambil risiko; petani, pesawah, pekebun, peladang, penternak dan nelayan yang gigih menggunakan kudrat; para guru, pensyarah, wartawan, karyawan dan cendekiawan yang mendidik serta memberi kesedaran; anggota tentera dan polis yang setia mempertaruhkan jiwa dan raga demi keselamatan negara tercinta; dan penjawat awam, pekerja swasta, pekerja kolar putih, biru dan buruh yang merupakan roda yang menggerakkan pembangunan negara. Pendek kata kejayaan nasional adalah kejayaan hasil gabungan mantap pemimpin yang berkaliber di samping masyarakat yang setia memberi kerjasama.

ISBN 978-983-54-0579-2



9 789835 405792

MS ISO/IEC 17021:2006
QS 02121999 CB 01



HADIAH
PM NAJIB
UNTUK
RAKYAT



HADIAH PM NAJIB UNTUK RAKYAT



**HADIAH
PM NAJIB
UNTUK
RAKYAT**

EDITOR BERSEKUTU

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim
Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia

Dato' Haji Ibrahim Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

Datuk Poziah Abdul Rahman
Timbalan Ketua Pengarah (Penerangan Strategik)
Jabatan Penerangan Malaysia

Tarmidzi Hashim
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
Jabatan Penerangan Malaysia

SIDANG REDAKSI

Ketua Editor
Datin Omi Habibah Haji Sharif

Timbalan Ketua Editor
Haji Shaari Haji Idris

Editor
Haji Zabidin Haji Ismail

Editor Penyclaras
Norlida Mohd Ibrahim

Penulis
Mohd Ayop Abd Razid
Norhazureen Halid
Hasnida Samsudin
Pathma Selvaraju
Hazliayanayati Sudin@Subdin
Dzulhaimy Dahari
Siti Nur Fadzliana Ahmad Fesol
Rashid Ibrahim

Penyclidik
Ziti Norazila Haji Mahshar
Roslenn Jati a/k Sut

Foto
Unit Fotografi
Cawangan Pusat Sumber dan Foto
Jabatan Penerangan Malaysia

ISBN 978-983-54-0579-2

Cetakan Pertama Mac 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



Bahagian Penerbitan Dasar Negara

Jabatan Penerangan Malaysia

Aras 12, No. 49, Kompleks Kementerian Penerangan

Komunikasi dan Kebudayaan

Persiaran Perdana, Persint 4,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 Putrajaya

Tel : 03-8911 3440

Faks : 03-8911 4957

E-mel : webmaster@inform.gov.my

Laman Sesawang : www.penerangan.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Jabatan Penerangan

HADIAH PM NAJIB UNTUK RAKYAT

ISBN 978-983-54-0579-2

1. Malaysia--Social policy
2. Malaysia--Social conditions
3. Malaysia--Politics and government
4. Jabatan Penerangan Malaysia 959.5

Dicetak oleh:

Percetakan Zainon Kassim Sdn Bhd

41-1, Jalan Sepah Puteri 5/1B

Pusat Perdagangan Seri Utama PJU5

Kota Damansara

47810 Petaling Jaya, Selangor

Rukun Negara

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran
negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan
menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

KANDUNGAN

- 14** PENDAHULUAN: MENDEPANI CABARAN MELAKAR KEJAYAAN
- 19** BIOGRAFI
- 22** GAGASAN 1MALAYSIA AGENDA DITERUSKAN, JANJI DITUNAIKAN
- 30** NKRA BERJAYA MEMENUHI HARAPAN DAN ASPIRASI RAKYAT
- 72** PERUBAHAN DALAM PERUNDANGAN
- 77** HADIAH KEPADA KOMUNITI
- 84** KESIHATAN RAKYAT SATU KEUTAMAAN
- 92** PERUMAHAN YANG MAMPU DIMILIKI
- 98** MENJANA PENINGKATAN EKONOMI MENERUSI PERNIAGAAN
- 108** PEMBANGUNAN UMMAH
- 114** PENERANGAN DAN KOMUNIKASI
- 120** MEMULIHARA ALAM SEKITAR
- 123** SAINS TEKNOLOGI PEMACU INOVASI

- 124** BELIA BERWAWASAN TUNJANG NEGARA
- 130** MEMPERKASA MODAL INSAN
- 140** SUMBANGAN KEPADA DUNIA
- 148** STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)
- 156** PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI
- 168** PENUTUP
- 170** TINJAUAN MESRA
- 182** SOKONGAN RAKYAT
- 184** TREK PM
- 195** BIBLIOGRAFI
- 196** SINGKATAN ISTILAH DAN AKRONIM
- 200** SUBJEK INDEKS



Sekapur Sireh

“Kerajaan yang saya pimpin bukan kerajaan populis semberono yang tidak bertanggungjawab. Kerajaan ini dalam merangka sebarang dasar, dalam membelanjakan wang negara, tidak akan sekali-kali meranap mahu membangkrapkan negara. Kita telah dan akan sentiasa berterus terang dengan rakyat tentang apa yang kita mampu dan apa yang kita tidak mampu lakukan, sebaliknya amat mudah bagi sesetengah pihak untuk menjanjikan bulan, bintang dan cakerawala tanpa memikirkan kesannya.

Perjalanan nasional ke arah cita-cita kebangsaan sebuah negara maju hanya tinggal 8 tahun lagi untuk dicapai. Seperti yang saya analogikan sebentar tadi, untuk menuju matlamat nasional, kita memerlukan kenderaan yang berprestasi tinggi, komponen enjin yang berkualiti, bahan api mencukupi, destinasi yang jelas dan lebuhraya terbaik. Namun, saya ingin mengingatkan, kita juga memerlukan kepada pemandu yang cekap supaya dapat menggabungjalinkan segala faktor yang ada bagi memastikan kenderaan tiba ke destinasi pada masa yang ditentukan dengan selamat. Oleh itu, janganlah kita bereksperimen untuk menukar pemandu yang telah terbukti kebolehannya, di tengah-tengah jalan, untuk digantikan dengan pemandu yang diragui dan berbahaya.

Oleh yang demikian, jangan sesekali kita salah membuat pilihan. Berhati-hatilah dengan tukang karut yang melipur lara. Mereka ini hanya pandai berjanji tapi tidak pernah mengotainya. Mereka tidak pernah konsisten antara amalan dan retorik yang dilaungkan. Makanya, berwaspadalah dengan alunan muzik oleh peniup seruling yang tampak indah tapi penuh dengan persona dan perdaya.”

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK

Perdana Menteri Malaysia

Pembentangan Laporan Tahunan
Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi
2 April 2012

Seulas Pinang

“Nikmat kebebasan dan kemerdekaan ini membolehkan kita dapat berlindung dan mencari rezeki seluasnya di bawah satu bumbung yang dinamakan Malaysia. Namun usah kita terus terleka dan alpa dengan kenikmatan dan kebebasan ini. Mengingatkan kepada amanat YTM Bapa Kemerdekaan, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj untuk kita renung bersama “Jangan sesiapa berfikir kita sampai ke penghujung jalan, kemerdekaan memanglah sesuatu yang penting dalam sejarah kita tetapi ia hanyalah permulaan kepada usaha yang baru dan berdaulat”.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa bertuah kerana mendiami sebuah negara yang ditadbir dengan baik, kerajaan yang bertanggungjawab, beramanah dan sentiasa menepati janji. Islam menuntut umatnya, khususnya golongan pentadbir dan pemimpin, agar berlaku adil terhadap semua golongan manusia tanpa mengira umur, pangkat dan darjat, bahkan melarang keras sebarang perbuatan zalim, penindasan dan pilih kasih. Oleh itu, kerajaan sentiasa meningkatkan usaha dan kreativiti menyediakan pelbagai peluang program kesejahteraan hidup dan ekonomi yang dapat dimanfaatkan oleh pelbagai peringkat masyarakat di Malaysia.

Perpaduan harus dipelihara dan dihayati kerana ia merupakan suatu nikmat yang amat tidak ternilai harganya, khususnya dalam negara berdaulat dan merdeka. Ia merupakan tunjang kepada kestabilan politik, keharmonian dan keutuhan daya saing ekonomi negara. Rakyat yang bersatu padu dan bekerjasama merupakan benteng yang kukuh untuk menghadapi sebarang ancaman sama ada dari dalam mahupun luar sempadan. Justeru, hubungan harmoni dan rasa cinta kepada negara perlu disuburkan dan disemarakkan.”

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang
Kampong Baru, Kuala Lumpur
17 Julai 2012





Kata Disahut, Gayung Disambut

Dato' Sri Mohd Najib sudah empat tahun sebagai Perdana Menteri yang ke-6. Selama tempoh itu, sumbangannya kepada negara bangsa Malaysia bersifat monumental. Satu demi satu, dengan pemikiran yang terang dan jelas, dengan bahasa yang mudah difahami, beliau telah menghadiahkan kepada rakyat Malaysia piagam perjuangan sebenar.

PM kita telah menghadiahkan melalui Gagasan 1Malaysia pelbagai dasar dan pelaksanaan yang dividennya telah dan sedang diterima. Transformasi Kerajaan, Transformasi Ekonomi, Transformasi Politik dan langkah-langkah pembaharuan yang lain menjalari kehidupan kita demi kebaikan. Berpaksikan keadilan sejagat, beliau melaksanakan norma-norma peri kemanusiaan, nilai-nilai kebersamaan dan kekitaan yang murni. Beliau menyajikan buat kita sikap kasihkan rakyat dan ketegasan untuk berkongsi pendapatan negara bagi yang berhak dan penjurusan beliau kepada realiti bahawa kerajaan tidak semestinya tahu semua. Kita sedang disedarkan bahawa kini kita ada satu pemimpin yang amat tinggi azam dan falsafahnya demi bangsa, agama dan negara.

Buku ini adalah satu persijilan nyata bahawa Dato' Sri Mohd Najib telah memperhambakan khidmatnya untuk menghadiahkan kepada rakyat apa yang hak bagi mereka.

D'SURY



Tanda keceriaan rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

MENDEPANI CABARAN MELAKAR KEJAYAAN

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Keenam meneruskan perjuangan Malaysia menuju Wawasan 2020 dan beliau hanya mempunyai kurang daripada 11 tahun sebelum Malaysia menuju negara maju pada tahun tersebut. Malaysia yang masih merasai kesan kemelesetan ekonomi tahun 2009, telah bangkit mengharungi rintangan dan mencapai kemajuan dalam menongkah arus yang penuh cabaran. Sesungguhnya Malaysia di bawah kepimpinan Najib enggan menjadi pemerhati pasif semasa kemelesetan ini melanda rantau Asia, lalu bertindak dengan tegas dan pantas.

Bagi Najib, dalam tempoh yang singkat, kejayaan ini tidak datang bergolek dan tidak terhidang di atas dulang emas. Ia adalah hasil ikatan antara kerajaan dan rakyat yang telah bersama-sama memecahkan ruyung ketidakpercayaan dan dogma dengan bertunjukkan perancangan sistematik dan pelaksanaan berkesan. Baginya, inilah limpahan rahmat kepada negara yang mempunyai kerajaan bertanggungjawab semenjak merdeka. Kerajaan yang bukan menjanjikan bulan, bintang ataupun cakerawala turun ke riba tetapi adalah sebuah kerajaan yang saban hari memikirkan, merancang dan melaksanakan dasar serta prakarsa demi kerukunan rakyat dan kesejahteraan negara tercinta.

Kerajaan mendengar rintihan rakyat dan akan meneruskan tradisi para pendahulu mereka dalam meletakkan kebajikan rakyat dan kesejahteraan negara di tempat yang teratas. Najib sentiasa mengingatkan kita bahawa apa yang menjadi keutamaan pentadbirannya bukannya nostalgia lampau apatah lagi populariti murahan. Yang terjunjung di atas jemala kerajaan yang bertanggungjawab adalah menyediakan masa depan gilang-gemilang buat semua anak Malaysia.

Janji Najib dalam "Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" adalah untuk tidak meminggirkan rakyatnya, waima di bandar atau di desa. Perjalanan yang telah dimulakan semenjak 3 April 2009, kini telah menempuh satu puncak penanda dan melakar hala tuju bagi menempa kejayaan untuk rakyatnya dan juga di peringkat global.



Kerajaan yang bukan menjanjikan bulan, bintang ataupun cakerawala singgah ke riba tetapi adalah sebuah kerajaan yang saban hari memikirkan, merancang dan melaksanakan dasar serta prakarsa demi kerukunan rakyat dan kesejahteraan negara tercinta.

Lantas enam hari selepas menjadi Perdana Menteri, Najib telah mengumumkan barisan kabinetnya dan mengarahkan setiap Menteri untuk menyediakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang jelas merangkumi perincian tugas berkaitan tanggungjawab dengan matlamat agar setiap anggota kabinet benar-benar menggalas amanah sebagaimana yang dimandatkan oleh rakyat.

Tanggungjawab tersebut tidak hanya membabitkan pengukuhan perpaduan nasional berasaskan prinsip kepelbagaian, menambahbaikkan penyampaian sektor awam, proses penstrukturan ekonomi melalui Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Ekonomi, malah, ia juga menjangkau Program Transformasi Politik yang menjadi saksi menyingsingnya fajar baru Malaysia. Ia tidak mungkin jua terjelma tanpa kestabilan politik yang dihidupkan oleh perkongsian kuasa melalui konsep Barisan Nasional yang bitara. Yang lebih utama, ia tidak mungkin dizahirkan tanpa sokongan padu rakyat.

Apa yang diperkatakan dalam ucapannya telah dikotakan.

Paling mudah, contoh janji dikotakannya adalah semasa ucapan Bajet 2012. Dalam bajet tersebut, pemberian BR1M, elaun sekolah dan baucar buku telah dilaksanakan. Begitu juga kenaikan gaji penjawat awam antara tujuh ke 13 peratus telah dinikmati oleh mereka.

JANJI DIKOTA

Sesungguhnya, Najib tidak hanya berjanji. Apa yang diperkatakan dalam ucapannya telah dikotakan. Paling mudah, contoh janji dikotakannya adalah semasa ucapan Bajet 2012. Dalam bajet tersebut, pemberian BR1M, elaun sekolah dan baucar buku telah dilaksanakan. Begitu juga kenaikan gaji penjawat awam antara tujuh ke 13 peratus telah dinikmati oleh mereka. Dalam Bajet 2013, kemudahan pemberian elaun diteruskan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. Sementara itu, bonus satu setengah bulan gaji juga diberi kepada penjawat awam.

Rakyat tanpa mengira peringkat, dapat menilai ketulusan, keikhlasan dan kerja keras yang telah ditunjukkan seorang pemimpin yang bernama Najib Tun Razak. Hadiahnya kepada rakyat pelbagai bentuk. Semuanya disampaikan dengan penuh rasa tanggungjawab melalui Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik, Program Transformasi Sosial, Program Transformasi Digital dan Program Transformasi Sosial. Sokongan besar rakyat amat penting untuk memastikan perjalanan ini akan menemui titik kejayaan yang diimpikan iaitu Malaysia yang maju dan menjadi negara berpendapatan tinggi, makmur dan stabil pada tahun 2020.





BIOGRAFI

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dilahirkan pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis, Pahang. Sebagai putera sulung kepada Perdana Menteri Malaysia Ke-2, Allahyarham Tun Abd Razak dan pasangannya Tun Hajah Rahah Mohd Noah, Najib dilahirkan di tengah-tengah gelanggang politik. Beliau menerima pendidikan rendah di St. John's Institution, Kuala Lumpur dan kemudiannya menyambung pelajaran peringkat menengah di Malvern Boy's College, Worcestershire, England sebelum ke University of Nottingham sehingga memperoleh ijazah dalam Ekonomi Perindustrian pada tahun 1974. Sekembalinya ke tanah air, beliau berkhidmat dengan Petroleum Nasional (PETRONAS) sehingga 1976.

Karier politik Najib bermula selepas ayahandanya kembali ke rahmatullah pada tahun 1976. Beliau dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) untuk bertanding di kerusi Parlimen Pekan. Inilah titik permulaan yang merubah corak kehidupan Dato' Sri Mohd Najib sebagai seorang tokoh politik. Pemergian ayahandanya, Tun Abdul Razak amat dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia. Jasa dan pengorbanannya kepada pembangunan negara amat dihargai dan dikagumi. Justeru tidak hairanlah sekiranya Dato' Sri Mohd Najib telah diberi laluan mudah dengan memenangi kerusi Parlimen Pekan tanpa bertanding walaupun ketika itu usianya baru menjangkau 23 tahun.

Berikutan kemenangan itu, Dato' Sri Mohd Najib dilantik sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos pada tahun yang sama. Pada tahun 1978 hingga 1980, beliau bertukar portfolio kepada Timbalan Menteri Pelajaran dan selepas itu memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Kewangan antara tahun 1981 hingga 1982. Pada Pilihan Raya Umum 1982, beliau bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar di Pekan dan kemudiannya dilantik sebagai Menteri Besar Pahang sehingga tahun 1986.

Kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum 1986 telah membawa kepada pelantikan beliau sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Belia dan Sukan pada 1987.

Di bawah terajunya, Malaysia mencipta sejarah apabila buat pertama kali memperoleh pencapaian yang terbaik dalam Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA).

Kemenangannya dalam Pilihan Raya Umum 1986 telah membawa kepada pelantikan beliau sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Belia dan Sukan pada 1987. Di bawah terajunya, Malaysia mencipta sejarah apabila buat pertama kali memperoleh pencapaian yang terbaik dalam Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA).

Beliau juga memperkenalkan Dasar Sukan Negara yang menggariskan pembangunan sukan dan memperkenalkan ganjaran insentif kepada atlit negara yang berjaya memenangi pingat di Sukan Olimpik.

Ekoran Pilihan Raya Umum 1990, sekali lagi portfolio Najib berubah apabila dilantik sebagai Menteri Pertahanan sehingga tahun 1995. Semasa menjawat jawatan ini, Najib memacu kementerianya dengan memodenkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui peningkatan keupayaan, pemerolehan dan latihan strategik. Antara usahanya ialah perolehan aset-aset baru seperti pesawat buatan Rusia, MiG 29, Boeing F18 Super Hornet, kapal frigate F-2000, artileri senjata 155m dan menaik taraf sistem pertahanan udara negara dengan perolehan sistem radar baru. Soal kebajikan anggota ATM juga diberi perhatian termasuk meningkatkan kemudahan perumahan dan elaun anggota.

Najib juga telah diberi peluang menerajui Kementerian Pelajaran antara tahun 1995 hingga 1999. Di bawah terajunya, sistem pendidikan negara mengalami perubahan yang besar termasuk memperkenalkan Akta Pelajaran 1996. Selain daripada itu, institusi pengajian tinggi turut dibenarkan menawarkan kursus yang lebih banyak, kepelbagaian pilihan dan pendekatan baru dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Dalam pada itu, jumlah penuntut dari negara luar yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tempatan dan asing di negara ini juga semakin bertambah. Malah, Najib memainkan peranan yang besar untuk memperkenalkan sistem pendidikan bertaraf dunia di Malaysia dan meletakkan negara sebagai hab pembelajaran serantau dan pusat kecemerlangan.

Pada tahun 1999, Najib sekali lagi diangkat sebagai Menteri Pertahanan dan beliau kekal pada jawatan berkenaan sehingga 2008. Memegang jawatan yang sama buat kali kedua membolehkan Najib meneruskan usaha ke arah pemodenan ATM, setelah negara melepasi krisis ekonomi pada 1997. Beliau bukan sahaja mendapatkan perolehan aset baru untuk ATM tetapi turut menjaga kebajikan anggota termasuk beberapa elaun dipertingkatkan seperti elaun penerbangan untuk juruterbang tentera.

Walau bagaimanapun antara tahun 2004 hingga 2008, beliau dalam masa yang sama telah menyandang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Kemuncak kepada kerjaya politik Najib ialah selepas beliau diangkat sebagai Menteri Kewangan pada 2008 dan seterusnya pada tanggal 3 April 2009, beliau telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia Keenam sekali gus mengekalkan jawatannya sebagai Menteri Kewangan.



GAGASAN 1MALAYSIA

AGENDA DITERUSKAN, JANJI DITUNAIKAN

Selepas dilantik sebagai Perdana Menteri, Najib memperkenalkan Gagasan 1Malaysia. Matlamat gagasan tersebut ialah untuk mengukuhkan semangat kerjasama dan perpaduan antara kaum di negara ini. Sekali gus gagasan ini disifatkan sebagai alat untuk merealisasikan matlamat Wawasan 2020 iaitu menjadikan Malaysia bukan sahaja sebuah negara maju, malah rakyatnya hidup dengan aman damai dan penuh harmoni. Iltizamnya adalah untuk melihat rakyat Malaysia lebih bersatu padu dan bersemangat patriotik, walaupun berbeza keturunan, anutan agama dan ideologi politik.

Pelaksanaan gagasan ini bukan dilakukan secara evolusi. Najib menegaskan bahawa Gagasan 1Malaysia merupakan kesinambungan konsep kepimpinan terdahulu. Ia adalah ramuan serta formula pentadbiran dalam proses negara menuju ke ambang negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Malah, 1Malaysia yang juga berteraskan konsep keadilan untuk semua rakyat dan mempunyai lapan nilai bertujuan untuk melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang cemerlang. Kemajmukan rakyat negara ini sudah tentu boleh membawa kepada pelbagai isu, cabaran dan masalah daripada tuntutan serta cita rasa yang berbeza. Namun dengan pengenalan kepada gagasan ini, ia menekankan pentingnya sikap penerimaan bagi mengelakkan salah sangka antara kaum.

DENYUT NADI RAKYAT DIRASAI

Najib berpesan kepada Jemaah Menteri agar sentiasa bekerja tanpa jemu, penuh komitmen dan yang penting bersedia mendengar rintihan dan keluh kesah rakyat. Dengan melakukan aktiviti turun padang, denyut nadi rakyat akan diketahui dan perkhidmatan yang lebih baik dapat diberi selaras dengan kehendak dan keperluan rakyat setempat.

Selepas hampir empat tahun Gagasan 1Malaysia menjadi teras dalam pentadbiran kerajaan, ternyata segala agenda yang disusun telah berjaya dilaksanakan dengan jaya. Rakyat mula menikmati hasil daripada slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' apabila janji yang dilontarkan telah ditunaikan.

Gagasan 1Malaysia diperkukuhkan dengan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" yang menjadi keutamaan dalam kepimpinan Najib dengan meletakkan sebarang pencapaian kerajaan mestilah menjurus kepada kepentingan rakyat dan memenuhi aspirasi ke arah negara maju. Selepas hampir empat tahun Gagasan 1Malaysia menjadi teras dalam pentadbiran kerajaan, ternyata segala agenda yang disusun telah berjaya dilaksanakan dengan jaya. Rakyat mula menikmati hasil daripada slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' apabila janji yang dilontarkan telah ditunaikan.

Sokongan besar rakyat amat penting untuk memastikan perjalanan ini akan menemui kejayaan yang diimpikan – menuju Malaysia yang maju dan menjadi negara berpendapatan tinggi, makmur dan stabil pada tahun 2020.





Penentu dan keberkesanan kejayaan Gagasan 1Malaysia secara berterusan haruslah disandarkan sepenuhnya kepada sejauh mana kerajaan dan rakyat mampu menjalin persefahaman dan kerjasama yang baik.

JANJI DITEPATI, HASIL DITUAI

Penentu dan keberkesanan kejayaan Gagasan 1Malaysia secara berterusan haruslah disandarkan sepenuhnya kepada sejauh mana kerajaan dan rakyat mampu menjalin persefahaman dan kerjasama yang baik. Sehubungan itu, bagi memastikan kejayaan yang berpanjangan, aspek pembangunan modal insan tetap menjadi keutamaan kerajaan. Pembangunan modal insan yang dirancang itu akan sentiasa seiring dengan pergerakan pelaksanaan Gagasan 1Malaysia.

Justeru melalui aspirasinya, kerajaan telah melaksanakan strategi pembangunan modal insan melalui sektor pendidikan dan perkhidmatan awam, dengan melaksanakan konsep Pendidikan Sepanjang Hayat.

Segala agenda dan janji yang diucapkan ketika Gagasan 1Malaysia mula diperkenalkan, telah dapat dituai hasilnya dalam tempoh empat tahun pelaksanaan. Ternyata gagasan ini bukanlah sesuatu yang dijana untuk menjaga kepentingan kerajaan atau kepentingan peribadi seseorang, tetapi ia merupakan gagasan yang mampu menjaga kepentingan seluruh rakyat, tanpa mengira fahaman dan etnik. Kejayaan merealisasikan Wawasan 2020 bergantung kepada sejauh mana Gagasan 1Malaysia benar-benar berjaya dihayati oleh rakyat Malaysia.

Sementara itu, Najib terus memperkukuhkan Gagasan 1Malaysia yang dijadikan teras dalam penggubalan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang digerakkan atas landasan transformasi politik, ekonomi, sosial dan perkhidmatan awam berlandaskan empat asas utama transformasi. Empat asas tersebut ialah Gagasan 1Malaysia itu sendiri, Program Transformasi Kerajaan (PTK), Program Transformasi Ekonomi (PTE), dan Model Baru Ekonomi (MBE) dengan meletakkan sasaran akhir untuk mencapai sebuah negara maju dengan asas pendapatan per kapita rakyat yang tinggi.

PENGGERAK GAGASAN 1MALAYSIA

Gagasan 1Malaysia bukan sekadar untuk diketahui dan difahami, tetapi harus menjadi tonggak dalam setiap tindak tanduk keseluruhan warga Malaysia. Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) merupakan salah sebuah kementerian yang dipertanggungjawabkan menjayakan Gagasan 1Malaysia. Kementerian ini dan agensi-agensinya di bawahnya telah mengatur pelbagai program dalam memastikan penghayatan 1Malaysia berjaya meresapi setiap sanubari penduduk Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.

PROGRAM PRIHATIN 1MALAYSIA

KPKK mengetengahkan pendekatan baru untuk mendampingi rakyat menerusi program yang melibatkan 'kementerian turun padang'. Program itu bertujuan merapatkan lagi hubungan masyarakat setempat selaras dengan slogan Gagasan 1Malaysia iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Antara program yang dijalankan ialah program Prihatin 1Malaysia yang melibatkan pegawai dan kakitangan kerajaan dalam komuniti setempat, terutama yang berkait dengan rakyat di peringkat akar umbi. Program Prihatin 1Malaysia yang diperkenalkan kementerian ini mendapat kerjasama beberapa agensi Kerajaan Persekutuan, termasuk Jabatan Pembangunan Persekutuan, Jabatan Kesihatan, pelajar universiti, dan Angkatan Tentera Malaysia menerusi Khidmat Jiwa Murni. Antara aktiviti yang dijalankan ialah membaiki dan mengecat rumah, membina longkang dan membersihkan kawasan persekitaran melibatkan komuniti setempat.

Najib menyatakan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan produk serta perkhidmatan jenama 1Malaysia tidak ada 'noktah' sebaliknya bersifat 'koma' (berterusan) setelah didapati ia banyak meringankan beban hidup seharian rakyat di negara ini.

Melalui penganjuran karnival ini, orang ramai mendapat penerangan secara jelas mengenai dasar-dasar kerajaan dan program-program yang dilaksanakan di bawah kepimpinan Najib. Secara tidak langsung, ia mampu meningkatkan sokongan rakyat terhadap kerajaan. Selain itu, menerusi pameran Komuniti 1Malaysia (K1M), rakyat dapat menelusuri gambaran jelas dan secara dekat tentang Program Transformasi Kerajaan (PTK). Ini diperakui oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim apabila beliau menyatakan keyakinannya bahawa aktiviti yang dilaksanakan melalui K1M memberi kesan yang positif khususnya daripada segi penyebaran maklumat kepada rakyat dan pengukuhan perpaduan antara kaum.

Sokongan Najib terhadap komuniti ini dapat dilihat menerusi penyertaannya dalam program Karnival K1M peringkat kebangsaan yang telah diadakan di Bukit Beruntung, Hulu Selangor pada 6 Januari 2012 dan K1M Gua Musang, Kelantan pada 4 Mei 2012. Karnival yang berlangsung selama tiga hari itu, telah berjaya mengumpul seramai 300 ribu orang. Najib ternyata gembira atas sokongan rakyat yang tidak berbelah bahagi daripada pelbagai kaum termasuk juga masyarakat orang asli. Antara aktiviti lain yang dianjurkan karnival K1M termasuklah Program Titik Sentuhan, jualan produk-produk K1M, pameran, persembahan hiburan dan sebagainya.

Kejayaan Karnival K1M bukan sahaja mendapat sokongan peringkat tertinggi termasuk Najib dan Menteri-Menteri Kabinet, malah turut mendapat sokongan daripada rakan enam sepilin dalam KPKK, iaitu Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Jabatan Penyiaran (RTM), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). Sokongan agensi-agensi ini telah melancarkan segala aktiviti yang direncanakan sepanjang Karnival K1M berlangsung.

PRODUK 1MALAYSIA

Hadiah paling berharga Najib kepada rakyat disampaikan dalam bentuk produk jenama 1Malaysia. Najib telah membangunkan produk-produk seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan sebagainya dalam usaha mengurangkan bebanan kos sara hidup yang kian meningkat. Najib menyatakan bahawa usaha kerajaan memperkenalkan produk serta perkhidmatan jenama 1Malaysia tidak ada 'noktah' sebaliknya bersifat 'koma' (berterusan) setelah didapati ia banyak meringankan beban hidup seharian rakyat di negara ini.

Sikap keprihatinan Najib melalui produk 1Malaysia ini dijadikan elemen utama dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang memberi tumpuan khusus kepada bidang yang menjadi desakan paling kuat yang disuarakan rakyat.



NKRA

BERJAYA MEMENUHI HARAPAN DAN ASPIRASI RAKYAT

Pada 11 Julai 2009, genap 100 hari Najib mentadbir negara. Bagi memastikan pentadbiran negara menuju landasan yang teratur perancangannya, terutama untuk rakyat tercinta, beliau memperkenalkan enam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) yang akan dijadikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). NKRA dan KPI diperkenalkan bagi mewujudkan elemen kebertanggungjawaban yang serius dalam kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam.

NKRA dan KPI diperkenalkan kerana kerajaan mahu rakyat sebagai pelanggan utama, maklum akan program dan hala tuju pembangunan yang digembleng oleh kerajaan. Bagi memastikan setiap NKRA berjalan dengan lancar, seorang Menteri dilantik sebagai Menteri Pimpinan bagi menerajui NKRA yang ditetapkan. Menteri-Menteri yang dilantik ialah:

- **Meluaskan Akses Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan**
Tan Sri Muhyiddin Yassin (Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pelajaran)
- **Mengurangkan Kadar Jenayah**
Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein (Menteri Dalam Negeri)
- **Memerangi Rasuah**
Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Dato' Abdul Aziz (Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
- **Meningkatkan Taraf Hidup Rakyat Berpendapatan Rendah**
Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil (Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
- **Memperkasa Prasarana Luar Bandar Dan Pedalaman**
Dato' Seri Haji Mohd Shafie Apdal (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

NKRA dan KPI diperkenalkan bagi mewujudkan elemen kebertanggungjawaban yang serius dalam kalangan anggota pentadbiran dan penjawat awam.

NKRA dan KPI diperkenalkan kerana kerajaan mahu rakyat sebagai pelanggan utama, maklum akan program dan hala tuju pembangunan yang digembleng oleh kerajaan.

- **Menambah Baik Pengangkutan Awam**

Dato' Seri Kong Cho Ha (Menteri Pengangkutan)

- **Memerangi Kos Sara Hidup Yang Kian Meningkat**

Datuk Seri Haji Noh Omar (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob (Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

NKRA MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT (NKRA COL)

Setelah dua tahun Pelan Transformasi Kerajaan (PTK) dilancarkan dengan enam NKRA pada 27 Julai 2009, NKRA COL telah diperkenalkan sebagai cabang ketujuh. NKRA COL dirangka dengan tujuan menyediakan bantuan segera kepada rakyat melalui tindakan drastik di samping merumuskan strategi jangka panjang bagi menangani kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Langkah ini diambil sejajar dengan hasrat kerajaan yang mendokong falsafah mendahulukan rakyat dan mementingkan pencapaian.

Inisiatif NKRA COL

Di bawah strategi NKRA COL, terdapat lima inisiatif telah dirangka iaitu subsidi untuk barangan makanan asas, Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA), Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) dan bantuan tunai daripada kerajaan.

Subsidi Untuk Barangan Makanan Asas

Bajet 2012 menjelaskan secara terperinci jumlah subsidi yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi makanan asas. Bagi setiap kilogram beras super tempatan, harga asal RM2.40, rakyat hanya bayar RM1.80. Subsidi kerajaan berjumlah 60 sen atau 25% dari harga sebenar; bagi setiap kilogram gula, harga asal RM2.84, rakyat hanya bayar RM2.50. Subsidi kerajaan berjumlah 20 sen atau 8% dari harga sebenar; bagi setiap kilogram minyak masak, harga asal RM4.75, rakyat hanya bayar RM2.50. Subsidi kerajaan berjumlah RM2.25 atau 47% dari harga sebenar; dan bagi setiap kilogram tepung gandum, harga asal RM1.90, rakyat hanya bayar RM1.35. Subsidi kerajaan berjumlah 55 sen atau 29% dari harga sebenar.

Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira RM 4 bilion pada tahun 2011 untuk subsidi bahan makanan asas bagi mengekang kenaikan harga barangan itu daripada membebankan golongan berpendapatan rendah.



Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira RM4 bilion pada tahun 2011 untuk subsidi bahan makanan asas bagi mengekang kenaikan harga barangan itu daripada membebankan golongan berpendapatan rendah. Jumlah subsidi itu meningkat berbanding RM3 bilion yang diperuntukkan pada tahun 2010 dan punca kenaikan tersebut ialah kenaikan harga bahan-bahan keperluan asas seperti gula di peringkat global yang tidak dapat dielakkan.



Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA)

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM1.4 bilion bagi membantu penerima bantuan kebajikan masyarakat melalui Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA). Bantuan ini antara RM100 hingga RM450 diberikan pada setiap bulan untuk membantu kumpulan sasaran yang terdiri daripada kanak-kanak, OKU, warga emas, balu tentera dan polis dan komuniti. KAR1SMA merupakan wadah untuk membangunkan masyarakat menerusi program bantuan kemasyarakatan secara holistik. KAR1SMA juga merupakan sasaran kerajaan dalam usaha untuk mewujudkan *welfare society* dan menjadikan KPWKM melalui JKM sebagai pemain utama di peringkat pelaksanaan.

Bantuan Warga Emas

KAR1SMA Warga Emas atau Bantuan Orang Tua merupakan skim bantuan kebajikan yang terbesar pada tahun 2011, melibatkan perbelanjaan sebanyak RM478 juta bagi membantu sejumlah 135,217 orang warga emas di seluruh negara. Ini merupakan 35.3% daripada keseluruhan bantuan kebajikan masyarakat berbanding dengan 28.4% pada tahun 2010. Bagi tahun 2012, peruntukan kewangan sebanyak RM496 juta disediakan bagi memberi manfaat kepada 150,000 orang warga emas miskin.

Pelbagai perkhidmatan disediakan menerusi KAR1SMA seperti bantuan kewangan bulanan, perkhidmatan di institusi, pusat jagaan harian, Program Ziarah dan Bantu, insentif OKU produktif, dorongan kerjaya (*Job Coach*), latihan kemahiran ibu tunggal serta wanita, perkhidmatan kesihatan, mamogram, taman asuhan kanak-kanak, pusat aktiviti kanak-kanak dan inisiatif kebajikan produktif.

Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

Pelancaran Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) membolehkan rakyat Malaysia mampu membeli barangan runcit pada harga penjimatan sebanyak 30-40% lebih rendah berbanding dengan harga pasaran. Pada tahun 2012 sahaja sebanyak 59 buah KR1M telah dibuka. Penjimatan yang dinikmati rakyat menerusi produk 1Malaysia diharapkan dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat kerana dengan pendapatan yang sama, rakyat berpeluang membeli lebih banyak barangan lain selain barangan keperluan harian.



Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)

Melalui pelancaran program Menu Rakyat 1Malaysia, rakyat Malaysia kini mempunyai pilihan sarapan dan makan tengah hari dengan harga yang berpatutan melalui pakej sarapan pagi yang ditetapkan pada kadar standard sebanyak RM2 dan RM4 untuk makan tengah hari. Program ini dibangunkan dengan tujuan untuk meringankan beban perbelanjaan harian rakyat dalam suasana kenaikan harga barangan global sekarang.

Program Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) dilaporkan telah mengatasi sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2012 apabila sebanyak 3,013 buah premis makanan di seluruh negara menyertai program tersebut. Kepada para pengusaha kedai makan yang berminat, mereka boleh memaklumkan kepada KPDNKK melalui pejabat cawangan negeri masing-masing untuk disenaraikan di portal Pengguna 1Malaysia Bijak. Kebanyakan pelanggan restoran yang terlibat mengakui faedah yang diperoleh mereka daripada program itu yang diperkenalkan pada 7 Julai 2011.



Lebih 75% isi rumah di negara ini memperoleh **manfaat** daripada peruntukan **RM2.34 bilion** untuk program ini.

Dalam Bajet 2013, sekali lagi BR1M diberikan kepada rakyat yang layak malah dikembangkan lagi kepada golongan bujang berumur 21 tahun ke atas.

BANTUAN TUNAI DARIPADA KERAJAAN

Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)

Melalui Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kira-kira 6 juta isi rumah di Malaysia yang berpendapatan RM3,000 ke bawah menerima bantuan kewangan *one-off* (bayaran sekali sahaja) sebanyak RM500. Lebih 75% isi rumah di negara ini memperoleh manfaat daripada peruntukan RM2.34 bilion untuk program ini. Dalam Bajet 2013, sekali lagi BR1M diberikan kepada rakyat yang layak malah dikembangkan lagi kepada golongan bujang berumur 21 tahun ke atas. Golongan bujang tersebut haruslah berpendapatan bawah RM2,000 dan jumlah bantuan tunai daripada BR1M2.0 ialah sebanyak RM250. Permohonan dibuat mulai November 2012 dan dilanjutkan sehingga 15 Mac 2013. Menurut Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, falsafah kerajaan dalam konteks BR1M ialah untuk memastikan semua rakyat yang layak, mendapat BR1M.

Kira-kira 390,000 pelajar dijangka **meraih manfaat** daripada peruntukan **RM97.5 juta** untuk inisiatif ini. **Baucar BB1M** akan memastikan para pelajar berupaya **membeli buku tambahan** dan **bahan bacaan** yang berkaitan.



Bantuan Persekolahan RM100

Najib juga mengambil inisiatif untuk menyalurkan bantuan RM100 kepada semua pelajar sekolah dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5 melalui Program Kembali ke Sekolah. Beliau mengumumkan hadiah berkenaan dalam Bajet 2012 dan diteruskan dalam bajet 2013. Bantuan ini telah diberikan kepada ibu bapa melalui sekolah anak masing-masing. Lebih 5.3 juta pelajar meraih manfaat daripada bantuan ini dan sebanyak RM533 juta telah diagihkan menerusi program ini.

Ditambah pula dengan pemansuhan bayaran yuran sekolah, bantuan seumpama ini pastinya suatu inisiatif yang dialu-alukan oleh sebahagian besar ibu bapa, terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana dan mempunyai bilangan anak yang ramai. Bantuan sejumlah itu diberikan tepat pada masanya bagi membantu ibu bapa menampung perbelanjaan kemasukan anak-anak ke sekolah seperti membeli pakaian sekolah baharu dan barang keperluan sekolah yang lain.

Bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)

Inisiatif Bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) telah diumumkan oleh Najib dalam ucapan Bajet 2012 dan diteruskan dalam Bajet 2013. Di bawah program BB1M, baucar buku bernilai RM200 ditambah kepada RM250 dan diagihkan kepada semua pelajar Malaysia di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, matrikulasi dan pelajar Tingkatan 6 di seluruh negara. Kira-kira 390,000 pelajar meraih manfaat daripada peruntukan RM97.5 juta untuk inisiatif ini. Baucar BB1M akan memastikan pelajar berupaya membeli buku tambahan dan bahan bacaan yang berkaitan.



Dalam NKRA Pendidikan, terdapat dua fokus utama iaitu memastikan semua kanak-kanak mendapat permulaan pendidikan berkualiti dan membangunkan budaya pencapaian untuk memacu transformasi dalam sistem pendidikan.

Kedai Kain 1Malaysia (KKR1M)

Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M) selepas kejayaan MR1M dan KR1M. KKR1M diwujudkan untuk membantu masyarakat luar bandar dan golongan kurang berkemampuan untuk membeli kain dan pakaian yang berkualiti pada harga yang jauh lebih rendah berbanding kedai kain sedia ada. KKR1M pertama telah dirasmikan pada 14 Julai 2012 di Hulu Langat Selangor oleh Perdana Menteri. Sehingga akhir tahun 2012, sebanyak empat buah KKR1M telah ditubuhkan.

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M)

KADS1M diperkenalkan dengan tujuan membantu pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara mengurangkan kos sara hidup mereka. Inisiatif ini dilaksanakan hasil cadangan yang dikemukakan oleh siswa dalam mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) pada 21 November 2011. Melalui KADS1M, para pelajar akan mendapat diskaun bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian.

Pelajar hanya perlu menunjukkan KADS1M bersama-sama kad pelajar atau kad pengenalan bagi mendapat diskaun di premis-premis perniagaan yang mengambil bahagian. KADS1M merupakan *flash card* dan bukan kad yang menawarkan mata ganjaran. Tempoh sah KADS1M ialah semasa tempoh pengajian pelajar sahaja.

NKRA MELUASKAN AKSES PENDIDIKAN BERKUALITI DAN BERKEMAMPUAN

NKRA Pendidikan telah menjadi salah satu teras dalam (GTP) yang telah dilancarkan oleh Najib pada 28 Januari 2010. Dalam NKRA Pendidikan, terdapat dua fokus utama iaitu memastikan semua kanak-kanak mendapat permulaan pendidikan berkualiti dan membangunkan budaya pencapaian untuk memacu transformasi dalam sistem pendidikan.

NKRA Pendidikan yang dijalankan di bawah GTP 1.0 bergerak di bawah lima sub NKRA. Lima sub NKRA tersebut ialah Prasekolah, LINUS, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), Tawaran Baharu Kepada Pengetua / Guru Besar dan Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP).

Setelah hampir tiga tahun pelaksanaan, NKRA Pendidikan diperkemas lagi melalui GTP 2.0 (2013 – 2015) yang telah memperluas lagi sub NKRA daripada lima kepada tujuh sub NKRA. Tambahan dua sub NKRA Pendidikan tersebut ialah Piagam Guru dan Pemantapan Bahasa Inggeris.



Sepanjang pelaksanaannya dalam GTP 1.0, beberapa kejayaan telah dicapai seperti jumlah enrolmen meningkat sehingga 80.5% atau 768,145 kanak-kanak prasekolah dan pembukaan sebanyak 6,643 kelas prasekolah.

1. Prasekolah

Kepimpinan Najib berusaha untuk meningkatkan kerjasama antara kerajaan dan swasta seawal peringkat prasekolah hingga menengah bagi meluaskan akses pendidikan berkualiti. Sepanjang pelaksanaannya dalam GTP 1.0, beberapa kejayaan telah dicapai seperti jumlah enrolmen meningkat sehingga 80.5% atau 768,145 kanak-kanak prasekolah dan pembukaan sebanyak 6,643 kelas prasekolah.

2. LINUS

Program ini ingin memastikan setiap kanak-kanak menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas mengikuti tiga tahun pendidikan rendah. Bagi memastikan sasaran ini tercapai, Kementerian Pelajaran mewujudkan jawatan Fasilitator LINUS (Fasilinus) di semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan LINUS serta membantu guru-guru LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran.

Pencapaian program LINUS boleh dilihat apabila dianggarkan 1.35 juta murid Tahun 1 hingga 3 sekolah rendah menduduki saringan LINUS. Saringan Kohort ketiga program LINUS menunjukkan kadar kemahiran sebanyak 90% bagi numerasi dan 82% bagi literasi.

3. Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

SBT dilaksanakan untuk memastikan sekolah yang cemerlang diberi pengiktirafan yang sewajarnya dan boleh dijadikan 'benchmark' kepada sekolah lain. Pada akhir tahun 2012, 91 buah sekolah mendapat pengiktirafan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi dan kerajaan memberi lebih autonomi dan akauntabiliti kepada SBT bagi meningkatkan kecemerlangan.

4. Tawaran Baharu Kepada Pengetua / Guru Besar

Tawaran baharu ini diperkenalkan sebagai perangsang kepada Pengetua dan Guru Besar untuk meningkatkan kecemerlangan sekolah masing-masing. Pengetua dan Guru Besar yang berjaya melonjakkan kecemerlangan sekolah wajar diberi ganjaran kewangan dan bukan kewangan sebagai menghargai usaha yang telah mereka laksanakan. Seramai 328 Guru Besar dan Pengetua telah menerima Bayaran Insentif Tawaran Baharu (BITB).



5. Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP)

Program ini bermatlamat mengurangkan bilangan sekolah dalam *band* 6 dan 7 melalui program-program khusus yang dirancang untuk sekolah-sekolah berprestasi rendah. Antara program yang disenaraikan ialah penempatan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC) dan Rakan Pembimbing Pembangunan Sekolah (SIPartner). Bagi merealisasikan program ini semua sekolah kerajaan telah *dirank* dan *dibandkan* kepada 7 *band* mulai 2010. Hasilnya bilangan sekolah dalam band 6 dan 7 menurun sebanyak 43.6%.

6. Piagam Guru

Piagam Guru diperkenalkan bagi meningkatkan peluang kerjaya yang lebih baik serta pengurusan prestasi yang cekap melalui satu instrumen penilaian yang berteraskan kompetensi yang jelas. Hal ini bagi membolehkan kenaikan pangkat yang lebih cepat untuk golongan yang berprestasi tinggi dan penempatan semua ke tugas lain bagi guru-guru yang berprestasi rendah.

7. Pemantapan Bahasa Inggeris

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan memantapkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah, Kementerian Pelajaran berusaha untuk meningkatkan kemahiran guru Bahasa Inggeris secara intensif dan pembelajaran imersif untuk semua guru yang kurang mahir.

Inisiatif ini akan menilai 70,000 guru opsyen BI melalui Ujian Penempatan Cambridge (CPT) dan kemudian guru akan dibahagi mengikut tiga kategori berdasarkan keputusan ujian mereka. Bagi guru-guru yang tidak mencapai tahap kemahiran yang ditetapkan, latihan separuh masa akan diberikan.

PROGRAM SOKONGAN MEMPERKASA PENDIDIKAN NEGARA

PERMATA Negara

PERMATA menjadi asas kukuh kepada pembangunan potensi kanak-kanak berlandaskan acuan Malaysia. Program PERMATA terbahagi kepada empat kategori iaitu Permata Seni, Permata Pintar, Permata Insan dan Perkasa Remaja. Pelbagai perancangan aktiviti, modul dan program yang bersesuaian dengan kategori masing-masing telah dan bakal dilaksanakan secara berjadual. Bermula dengan lima projek perintis pusat Permata Negara, program *Early Childhood Education and Care (ECEC)* kini berkembang kepada 656 pusat di seluruh negara dengan lebih 27,000 kanak-kanak dalam tempoh empat tahun dengan setiap pusat, menyediakan ECEC berkualiti tinggi dan menumpukan pada konsep "pembelajaran adalah menyenangkan" serta pembangunan kemahiran kognitif dan sosial.



Program Duta Universiti (UAP)

Demi melihat perkembangan sihat dalam kalangan para pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), Kerajaan Malaysia dibawah pimpinan Najib telah memperkenalkan Program Duta Universiti (UAP). Tanggungjawab mahasiswa bukan lagi sebagai penuntut atau penerima manfaat semata-mata, sebaliknya penyumbang berkesan bagi memenuhi matlamat pembangunan negara. Program Duta Universiti yang dirangka di bawah Strategi Lautan Biru Negara 5 ialah inisiatif merentasi kementerian membabitkan mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) terpilih. UAP melibatkan seramai 63 orang pelajar daripada enam buah IPTA (USM, UIAM, UTM, USIM, UiTM dan UPSI).

Biasiswa 1Malaysia Development Bhd (1MDB)

Biasiswa ini menawarkan sebanyak 500 pembiayaan biasiswa kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperoleh 8A+ dan ke atas untuk melanjutkan pengajian di IPT tempatan.



Tanggungjawab mahasiswa bukan lagi sebagai penuntut atau penerima manfaat semata-mata, sebaliknya penyumbang berkesan bagi memenuhi matlamat pembangunan negara.

Majlis Profesor Negara (MPN)

Majlis Profesor Negara (MPN) telah ditubuhkan pada 1 April 2010. Majlis ini menggabungkan kepakaran 1,426 orang profesor dari seluruh Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Majlis tersebut berperanan membantu kerajaan dengan menyumbangkan input dalam penggubalan dasar-dasar negara, terutama bagi menjayakan Model Baru Ekonomi (MBE).

Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE)

Selaras dengan pengumuman MPN, Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) telah dilancarkan sebagai mengiktiraf sumbangan dan prestasi mereka dalam bidang akademik dan penyelidikan. Ia merupakan jentera bagi institusi pengajian tinggi (IPT) untuk memangkinkan pembangunan inovasi secara menyeluruh. Penubuhannya juga adalah selaras dengan sasaran dalam Teras Ketiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), untuk mewujudkan 20 buah Pusat Kecemerlangan bertaraf antarabangsa menjelang 2020.

Program MyBrain15

Bagi melahirkan individu berkepakaran antarabangsa, kerajaan telah melancarkan Program MyBrain15 yang merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat ijazah pasca dan menjadi salah satu projek agenda kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Pelaksanaan program ini dapat membangunkan *first world talent base* yang menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Di bawah program ini, kerajaan menyasarkan untuk melahirkan seramai 60,000 pemegang PhD dalam kalangan rakyat Malaysia menjelang tahun 2023. Program-program yang dilaksanakan menerusi Program MyBrain15 adalah MyPhD, MyMaster, PhD Industri dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI).

Pada tahun 2011, bagi meningkatkan persepsi awam terhadap keselamatan, enam inisiatif telah dijalankan iaitu Jadual Liga Balai, kaji selidik setiap suku tahun, membina keyakinan, meningkatkan interaksi, memperluaskan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan memperluaskan Rakan Cop.

NKRA MENGURANGKAN KADAR JENAYAH

Aspirasi NKRA Mengurangkan Kadar Jenayah bertujuan untuk mempertingkatkan keselamatan awam di seluruh Malaysia. Tindakan-tindakan yang diambil untuk merealisasikan perkara berkenaan tertumpu kepada penyampaian tiga keberhasilan iaitu mencapai pengurangan berterusan dalam jenayah indeks yang dilaporkan, dengan tumpuan terhadap jenayah jalanan yang dilaporkan iaitu curi, ragut, samun tanpa senjata api dan samun berkawan tanpa senjata api; mempertingkatkan persepsi awam tentang keselamatan dengan menggalakkan penyertaan orang awam dan tanggungjawab bersama menerusi kesukarelawan, khususnya dalam kalangan belia yang berbilang kaum; dan mendorong kecemerlangan operasi dalam sistem keadilan jenayah untuk membina keyakinan awam serta memperkuat kebanggaan profesionalisme ke seluruh sistem.

Program 'Omnipresence'

Program perkongsian swasta-awam-polis yang melibatkan pihak PDRM membuat rondaan dengan dibantu oleh sukarelawan daripada Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) melalui pelantikan sebagai anggota Sukarelawan Simpanan Polis (SSP). Selain itu juga, bilangan anggota penguat kuasa dipertingkatkan dengan melibatkan lebih 4,000 anggota sukarela terlatih dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).

Pada tahun 2012, Program Omnipresence telah diberikan pengiktirafan kerana berjaya mengurangkan jenayah jalanan dan Jenayah Indeks secara keseluruhan, masing-masing sebanyak 41.3% (dengan menggunakan 2009 sebagai dasar) dan 7.6%. Sementara itu pemasangan 496 kamera litar tertutup (CCTV) turut dijalankan di sekitar *hot spot* pada fasa pertama. Fasa berikutnya akan melibatkan pemasangan 496 buah CCTV lagi di kawasan tersebut. Selain itu Mahkamah Keadilan Khas dibentuk bagi mempercepatkan proses penghakiman lebih jenayah jalanan.

Program Bandar Selamat (SCP)

KDN juga mengambil inisiatif dengan menganjurkan Program Bandar Selamat (SCP). Program ini memberi lebih kuasa kepada kerajaan tempatan untuk menangani masalah dengan inisiatif setempat, seperti penggunaan penghadang (*bollard*), cermin keselamatan dan sebagainya. Program ini telah diperluas lagi ke 151 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk PBT *hot spot* bertujuan melaksanakan inisiatif program berkaitan menurut bidang kuasa masing-masing. Selain itu, Program Pemulihan Dalam Penjara dan Program Penempatan Semula Pasca Pembebasan yang diperkenalkan pada tahun 2011 akan membantu banduan meningkatkan kemahiran untuk kelangsungan hidup selepas tamat tempoh hukuman dan mengurangkan jumlah penjenayah ulangan dengan mengasingkan pesalah kali pertama dan pesalah ulangan atau tegar semasa di dalam penjara.

Jadual Liga Balai, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Memperluaskan Rakan Cop

Pada tahun 2011, bagi meningkatkan persepsi awam terhadap keselamatan enam inisiatif telah dijalankan iaitu Jadual Liga Balai, kaji selidik setiap suku tahun, membina keyakinan, meningkatkan interaksi, memperluaskan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan memperluaskan Rakan Cop. Jadual Liga Balai diwujudkan untuk memupuk budaya berpasukan bagi semua anggota polis. Jadual Liga Balai memberikan penarafan terhadap semua 753 balai polis di Malaysia berdasarkan prestasi masing-masing dalam membanteras jenayah dan pelbagai kejayaan ketara yang lain.

NKRA MEMERANGI RASUAH

NKRA Rasuah diwujudkan sebagai bukti kerajaan amat komited dalam usaha memerangi rasuah dan mengutamakan integriti dalam semua perkhidmatan yang diberi. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah pun mengambil keputusan bahawa semua perolehan kerajaan haruslah menggunakan tender terbuka atau pun tender terhad kecuali dalam kes-kes tertentu. Manakala dari segi peningkatan penguatkuasaan, kerajaan telah pun menaikkan taraf Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan bidang kuasa dan perundangan yang lebih efektif.

Menerusi GTP 1.0, kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif melibatkan tiga aspirasi utama, iaitu mengurangkan rasuah melalui penguatkuasaan yang lebih tegas, memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International* dan menambah baik persepsi rakyat terhadap integriti Kerajaan dan perkhidmatan awam.

Malaysia Memperbaiki Skor Indeks Persepsi Rasuah

Ranking Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia, iaitu satu tinjauan oleh badan pemerhati antarabangsa, *Transparency International (TI)*, telah meningkat enam tangga daripada tangga ke-60 ke tangga 54 pada tahun 2012.

Mengurangkan Peluang Berlakunya Rasuah Melalui Automasi

Jabatan Pengangkutan Jalan telah melaksanakan sistem penguatkuasaan trafik automatik (*Automated Enforcement System, AES*) pada Ogos 2012 di bawah inisiatif Pengurangan Budi Bicara Melalui Automasi (*Reduce Discretion Through Automation*). Matlamat inisiatif ini adalah untuk mengurangkan peluang berlakunya rasuah kecil dengan menyingkirkan faktor manusia daripada aktiviti penguatkuasaan trafik.

Penubuhan Mahkamah Khas Rasuah juga menunjukkan komitmen kerajaan disusuli dengan langkah melantik hakim yang berpengalaman 15 tahun ke atas bagi mengendalikan perbicaraan.

Penubuhan Mahkamah Khas Rasuah

Pengenalan portal *MyProcurement* dan *MyPartnership* dilihat berjaya meningkatkan keberkesanan penyampaian kerajaan. Turut berjaya dilaksanakan ialah penubuhan dan pengukuhan unit pematuhan, sistem pusingan kerja, ganjaran dan pengiktirafan serta mengurangkan budi bicara melalui automasi. Penubuhan Mahkamah Khas Rasuah juga menunjukkan komitmen kerajaan disusuli dengan langkah melantik hakim yang berpengalaman 15 tahun ke atas bagi mengendalikan perbicaraan. Terdapat 14 buah mahkamah khas yang mula beroperasi pada 16 Februari 2011 dan telah berjaya memproses 404 kes dan 258 daripadanya berjaya diselesaikan pada akhir 2012.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan badan yang bertanggungjawab menjayakan NKRA Rasuah ini. Pelbagai inisiatif telah diambil termasuk meminta orang ramai dan komuniti perniagaan agar tidak menggunakan khidmat orang tengah dalam urusan rasmi mereka bagi mengatasi masalah rasuah secara serius. SPRM juga memperkenalkan Program Pegawai Integriti Bertauliah yang berperanan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program integriti dan pencegahan rasuah di sektor awan dan swasta.

Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010

Pengenalan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 membuktikan keseriusan kerajaan memerangi rasuah. Akta ini telah memberi perlindungan kepada lebih 6,000 pengadu berkaitan salah laku rasuah sejak dilaksanakan pada 15 Disember 2010. Pengarah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah, D. Ravindran berkata, ia berdasarkan maklumat awal yang diterima daripada agensi-agensi berkaitan pencegahan rasuah di seluruh negara. Agensi itu termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen.

Ikrar Integriti Korporat (CIP)

Ikrar Integriti Korporat (CIP) mula diperkenalkan pada 2010. Sebelum ini CIP telah dilaksanakan dalam Mass Rapid Transit (MRT) sebagai perintis. Laporan menunjukkan skop syarikat juga akan diperluaskan, dengan turut menumpukan pada segmen lain seperti syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat senaraian awam serta segmen perusahaan kecil dan sederhana. Objektif CIP ialah memastikan syarikat-syarikat mengguna pakai model laporan sendiri. Pelaksanaannya dibuat apabila syarikat itu sendiri akan mengakses kekuatan sistem integriti mereka, mengenal pasti pelan tindakan untuk menambah baik sistem mereka, berusaha merapatkan jurang-jurang dan kemudian mengambil langkah untuk melaporkan sebarang usaha yang dibuat demi kepentingan ketelusan. Bagi memastikan PRU-13 bebas dan telus, Ikrar Integriti Pilihan Raya akan diperkenalkan.

Suruhanjaya Integriti

Suruhanjaya Integriti adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], berkuat kuasa mulai 1 April 2011. Antara fungsi Suruhanjaya ini adalah untuk menerima aduan terhadap salah laku Pegawai Penguat Kuasa atau Agensi Penguatkuasaan Persekutuan serta mengurus dan menjalankan siasatan terhadap aduan sedemikian. Manakala tujuan Suruhanjaya ini ditubuhkan adalah untuk membanteras salah laku di kalangan pegawai penguat kuasa, mempertingkatkan dan membudayakan integriti di kalangan Agensi Penguatkuasaan Persekutuan, memupuk dan memperkukuh keyakinan orang ramai terhadap Pegawai Penguat Kuasa dan Agensi Penguatkuasaan Persekutuan.



NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH (NKRA LIH)

NKRA LIH menyediakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi meningkatkan taraf hidup rakyat miskin tegar, miskin dan isi rumah berpendapatan rendah melalui Program 1AZAM, iaitu program penjana pendapatan melalui aktiviti ekonomi seperti perniagaan, jahitan, ternakan dan pertanian secara kecil-kecilan.

Terdapat empat sasaran utama atau sub-NKRA iaitu membasmi kemiskinan tegar; mengurangkan kadar kemiskinan; melatih dan membangunkan usahawan wanita serta meningkatkan kadar pemilikan atau penyewaan rumah.



Program 1AZAM

Projek 1AZAM diperkenalkan bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan rakyat Malaysia miskin tegar dan miskin, menambah pendapatan sehingga melebihi had garis kemiskinan yang ditetapkan iaitu RM760 sebulan bagi miskin dan di bawah RM2300 sebulan bagi golongan berpendapatan rendah. Empat peluang menambah pendapatan telah dikenal pasti iaitu penempatan pekerjaan, perniagaan kecil-kecilan, penyediaan perkhidmatan dan pertanian. Seramai 106,967 isi rumah miskin telah berjaya didaftarkan dibawah program ini melebihi sasaran 97,393 isi rumah.

Program 1AZAM ini merangkumi empat bidang iaitu AZAM Kerja, AZAM Khidmat, AZAM Niaga dan AZAM Tani yang dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti golongan miskin. Selain bantuan kewangan, program ini turut menawarkan isi rumah berpendapatan rendah pelbagai wahana untuk menjadi lebih produktif dengan memberi mereka pelbagai kemudahan dan juga latihan kemahiran serta motivasi.

Program Bantuan Rumah

Pada 2011, sebanyak 35,095 buah rumah telah dibina dan dijual oleh DBKL di bawah program ini. Ia bertujuan menyediakan perumahan bagi golongan miskin dan miskin tegar di kawasan bandar dan membasmi kemiskinan bandar sebelum tahun 2013.

Peralihan Kategori Isi Rumah

Sebanyak 44,535 isi rumah atau 99.9% daripada kategori isi rumah miskin tegar berjaya keluar daripada kategori ini sementara bilangan isi rumah dalam kategori miskin telah dikurangkan sebanyak 15,868.

Meningkatkan Pemilikan Rumah

Pihak DBKL telah menawarkan sejumlah 35,000 unit rumah untuk dijual kepada penyewa asal, serta pihak SPNB telah berjaya memulihkan rumah yang terbengkalai yang berjumlah 4,865 unit.

Skim Perlindungan Insurans 1AZAM

Pada tahun 2011, lebih 500,000 ahli isi rumah miskin telah dapat menikmati kemudahan skim perlindungan insurans 1AZAM yang diuruskan oleh Allianz Insurance di bawah bidang kuasa KPWK. Setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM11.2 juta telah dibayar kepada 770 waris terdekat kepada 770 ketua isi rumah di seluruh negara selepas kematian mereka. Perlindungan insurans 1AZAM mengandungi empat pakej, iaitu kematian biasa (RM10,000), kematian disebabkan kemalangan (RM20,000), keilatan kekal (RM20,000) dan perbelanjaan pengurusan jenazah (RM5,000). Sumbangan KPWK dalam skim ini menyaksikan KPWK membayar premium tahunan sebanyak RM120 bagi setiap keluarga untuk mendapatkan perlindungan bagi ketua setiap isi rumah yang menyertai skim ini.

Melalui skim ini, pembeli hanya perlu membayar baki kos rumah melalui pembiayaan tanpa faedah berdasarkan konsep 'qardul hassan'. Setakat ini rekod menunjukkan sebanyak 4,865 buah rumah telah diserahkan kepada mereka yang berhak.

Sistem e-Kasih

Sistem e-Kasih ialah satu sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau kemiskinan. Data dan maklumat yang dimasukkan ke dalam e-Kasih berasaskan kepada Banci Isi Rumah Miskin (BIRM). Pada tahun 2012, pangkalan data e-Kasih yang sedia ada telah dinaik taraf kepada pangkalan data e-Kasih yang lebih menyeluruh (Greater e-Kasih) yang dapat memenuhi keperluan semua agensi yang menyalurkan bantuan kepada penerimanya.

NKRA LIH telah menetapkan KPI untuk mendaftarkan sejumlah 39,600 isi rumah miskin dalam pangkalan data eKasih. Sehingga akhir bulan Disember 2012, sebilangan 43,820 isi rumah telah berjaya didaftarkan. Dalam tempoh 3 tahun lepas, seramai 109,050 atau 89% peserta eKasih telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka.

Isi rumah yang telah dilakukan verifikasi di lapangan dan menepati kriteria-kriteria e-Kasih, layak dimasukkan ke dalam e-Kasih 2. Selain mereka yang memenuhi kriteria status kemiskinan berdasarkan pendapatan per kapita isi rumah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2007, mereka yang layak mendaftar dan dimasukkan ke dalam e-Kasih adalah isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,300 sebulan.

Pendaftaran terperinci akan dilakukan oleh pembanci bagi tujuan pengesahan dan seterusnya mendaftarkan mereka ke dalam sistem e-Kasih dengan disahkan oleh pihak *Focus Group* yang dianggotai oleh Pejabat Daerah dan ICU di peringkat negeri. ICU menggunakan dua kaedah pendaftaran iaitu pendaftaran terbuka dan pendaftaran terperinci. Bagi pendaftaran terbuka, orang miskin yang dikenal pasti atau wakil boleh mendaftarkan mereka dalam sistem e-Kasih melalui *hyperlink* "<http://www.ekasih.gov.my>" www.ekasih.gov.my. Seramai 220,741 atau 90% yang mendaftar telah disahkan di bawah pendaftaran terbuka e-Kasih.

Usahawan Wanita

Selaras dengan sasaran untuk melahirkan 4,000 usahawan wanita pada tahun 2012, KPWKM dengan kerjasama AIM dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melatih usahawan wanita yang membolehkan mereka menceburi bidang-bidang keusahawanan seperti pertanian, perkhidmatan, perikanan, perkilangan, penternakan dan perniagaan. NKRA LIH telah mencapai sasaran 4,300 usahawan wanita, iaitu 107% pencapaian berbanding dengan sasaran asal sebanyak 4,000 dalam tempoh 3 tahun.

Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (PRMR1M)

PRM1M bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah atau keluarga dilanda kemiskinan (petani atau nelayan) membina rumah yang lebih selesa di atas tapak tanah milik masing-masing. Melalui skim ini, pembeli hanya perlu membayar baki kos rumah melalui pembiayaan tanpa faedah berdasarkan konsep *qardul hassani*. Setakat ini rekod menunjukkan sebanyak 4,865 buah rumah telah diserahkan kepada mereka yang berhak.

NKRA INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR (NKRA RBI)

Pembangunan luar bandar kekal menjadi komponen utama agenda pembangunan negara. Sejak merdeka, kerajaan telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk menyediakan segala keperluan asas yang merangkumi pembangunan jalan raya, bekalan air, elektrik dan perumahan untuk memastikan rakyat hidup dalam keadaan selesa dan menikmati hasil pemodenan. Justeru, apabila Najib mengumumkan NKRA, beliau telah menyelitkan agenda pembangunan luar bandar dalam NKRA RBI untuk mempercepat usaha ini dengan menyampaikan keberhasilan yang besar dan segera.

Jalan Raya

Di bawah inisiatif NKRA RBI, 3, 349.6 km jalan raya telah dibina atau dinaik taraf iaitu 111% daripada sasaran. Rangkaian jalan raya ini telah memberi manfaat kepada 2.2 juta rakyat luar bandar. Jalan raya ini dibina 450% pantas berbanding dengan kadar pelaksanaan sebelum ini.

Tiga program pembangunan yang terbesar ialah:

- Penaiktarafan jalan sepanjang 40km di Jalan Pulau Bum-Bum, Semporna; 20,000 isi rumah menggunakan jalan tersebut pada November 2012.
- Pembinaan jalan sepanjang 5km di Jalan Nagaya; 10,000 isi rumah di Ranau menikmati kemudahan projek ini pada Januari 2012.
- Pembinaan jalan sepanjang 14km di Jalan Pagasan; 1,000 isi rumah di Pitas meraih manfaat daripada projek ini pada September 2012.



Bekalan Air Bersih

Malaysia dianugerahi bekalan air yang banyak dengan sumber air per kapita berjumlah 21,536 meter padu setahun. NKRA RBI terus berusaha untuk melaksanakan program pembinaan yang bertujuan membekalkan air bersih kepada rakyat luar bandar. Projek tersebut termasuk:

- Loji Rawatan Air Keningau, membekalkan air kepada hampir 8,000 penduduk pada Disember 2012.
- Bekalan Air Lingga, yang membekalkan air bersih kepada 449 penduduk luar bandar mulai Mac 2012.
- Projek Sistem Bekalan Air Mukim Dualog Sikuati, Matunggong, Kudat yang dijangka membekalkan air kepada 1,139 penduduk kampung pada Disember 2013.

Dari segi pelaksanaannya, KKLW mendapat kerjasama daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). KeTTHA secara tidak langsung terlibat dalam "Area of Support" bidang NKRA RBI iaitu menyediakan bekalan air bersih dan bekalan elektrik. Liputan bekalan air bersih di Sabah dan Sarawak ditingkatkan kepada 90% dan 98% di Semenanjung termasuk perkampungan orang asli. Bekalan air disambungkan 600% lebih pantas berbanding dengan pelaksanaan sebelum ini.

Di samping itu, usaha penyelidikan dan pembangunan dalam pemuliharaan sumber air turut dipergiat bagi menyokong usaha membangun sektor air yang mampan untuk keperluan ekonomi negara.

Usaha lebih gigih diambil bagi meningkatkan liputan bekalan air yang dirawat di kawasan luar bandar dengan menaik taraf serta menyediakan saluran paip dan loji rawatan air baru. Sistem alternatif seperti sistem graviti, telaga tiub, air bawah tanah dan air tadahan hujan akan digunakan di kawasan pedalaman dan terpencil. Langkah lain yang turut dilaksanakan ialah kaedah Pengurusan Sumber Air Bersepadu dan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu. Di samping itu, usaha penyelidikan dan pembangunan dalam pemuliharaan sumber air turut dipergiat bagi menyokong usaha membangun sektor air yang mampan untuk keperluan ekonomi negara.

Bekalan Elektrik

Akses kepada bekalan elektrik yang andal bukan sahaja merupakan satu komponen penting yang diperlukan untuk industri tetapi merupakan elemen utama untuk menikmati standard kehidupan yang memuaskan. Sepertimana dua inisiatif sebelum ini, NKRA RBI komited untuk memastikan bahawa 95% penduduk luar bandar dapat menikmati akses 24 jam kepada bekalan tenaga elektrik. Sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 28,601 isi rumah telah mendapat bekalan elektrik dan memanfaatkan kira-kira 143,005 orang. Agensi yang terlibat secara langsung dalam pelaksana NKRA RBI ini ialah Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn Bhd dan SESCO Berhad. Tenaga elektrik dibekalkan 310% lebih pantas berbanding dengan pelaksanaan sebelum ini

Sebagai sebahagian komitmennya untuk menyediakan akses 24 jam bekalan tenaga elektrik di Sabah, NKRA RBI telah mencipta kemajuan yang memberangsangkan. Akses disampaikan di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar Kementerian (Program BELB).

- Pembinaan Talian Grid Zon 5 2011-2012 di Sabah di bawah Program BELB yang akan membekalkan tenaga elektrik kepada 3,127 isi rumah setelah projek itu siap pada Oktober 2012.
- Pembinaan Talian Grid Zon 6 2011-2012 di Sabah di bawah Program BELB yang akan membekalkan tenaga elektrik kepada 661 isi rumah setelah projek itu siap pada Ogos 2012.



Bagi memastikan ketekalan (*consistency*), semua rumah yang dibina pada tahun 2011 menggunakan standard kualiti dan reka bentuk yang lazim. Langkah berhemat ini penting untuk mengurus kos dengan lebih berkesan.



Rumah Golongan Miskin Luar Bandar

Sehingga 31 Oktober 2012, sebanyak 13,941 buah rumah telah berjaya disiapkan di bawah inisiatif ini. 4,389 telah disiapkan di Sabah, 4,716 buah rumah di Sarawak dan bakinya sebanyak 4,836 di Semenanjung. Kerajaan menyasarkan untuk menyiapkan 14,565 buah rumah keseluruhannya yang bakal memanfaatkan 69,705 orang dengan peruntukan sebanyak RM0.303 bilion. Dalam usaha menyediakan rumah untuk golongan miskin luar bandar, penting untuk memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja meraih manfaat daripada usaha NKRA RBI ini. Bagi tujuan berkenaan, pelbagai agensi yang berkaitan digembleng untuk mengenal pasti isi rumah termasuk portal eKasih yang turut digunakan untuk memilih calon.

Bagi memastikan ketekalan (*consistency*), semua rumah yang dibina pada tahun 2011 menggunakan standard kualiti dan reka bentuk yang lazim. Langkah berhemat ini penting untuk mengurus kos dengan lebih berkesan. Setiap rumah berkeluasan 600 kaki persegi dan terdiri daripada tiga buah bilik tidur dan dua buah bilik air. Setiap rumah yang baru dibina ini juga dibekalkan dengan kemudahan asas seperti elektrik dan air terawat.

Kemudahan asas ini sesungguhnya berjaya mempertingkatkan dengan nyata kualiti hidup keluarga yang sebelum ini hanya tinggal di rumah yang usang, di tempat perlindungan atau juga di pondok-pondok.



PROGRAM SOKONGAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Program Transformasi Luar Bandar

Program Transformasi Luar Bandar (RTP) bermatlamat mentransformasikan kawasan luar bandar untuk menarik pelaburan swasta, mewujudkan pekerjaan dan aktiviti ekonomi, selain memberi generasi muda peluang untuk pulang ke kampung dan bekerja di kawasan luar bandar. Pembinaan infrastruktur asas luar bandar adalah salah satu daripada beberapa komponen dalam pendekatan komprehensif untuk membangunkan kawasan luar bandar.

Meskipun dalam kerancangan pelaksanaan program-program untuk memajukan negara bagi menempatkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju, kerajaan tidak sesekali mengabaikan aspek pembangunan masyarakat luar bandar. Sebagai bukti, selama lebih setengah abad, kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit kepada sektor luar bandar untuk menyediakan kemudahan asas dan membasmi kemiskinan. Hasilnya, kadar kemiskinan luar bandar telah berjaya diturunkan dari 58.7% pada tahun 1970 kepada 3.7% pada tahun 2010. Kadar kemiskinan tegar pula telah berkurangan daripada 5.2% pada tahun 1990 kepada 0.9% pada tahun 2010.

Dana Perkhidmatan Profesional

Dana Perkhidmatan Profesional disediakan bagi golongan profesional seperti peguam, doktor dan akauntan untuk membuka firma di pekan kecil. Dana berjumlah RM100 juta disediakan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) secara pinjaman mudah dengan kadar faedah empat peratus dan surat cara perjanjian pembiayaan skim berkenaan diberi pengecualian duti setem. Kementerian yang terbabit bagi menjayakan fungsi dana ini ialah Kementerian Kewangan yang diterajui sendiri oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan dibantu oleh Menteri Kewangan II Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

Program Lonjakan Mega Luar Bandar

Pelaksanaan Program Lonjakan Mega Luar Bandar pula dipertanggungjawabkan di bawah Cawangan Agropolitan KKLW. Program ini melibatkan tanah seluas 6,500 hektar di 11 kawasan Projek Agropolitan seluruh negara yang membabitkan tanaman komoditi, penanaman kontan dan ternakan ikan sangkar dengan peruntukan sebanyak RM110 juta. Antara projek yang berjaya dilaksanakan ialah Projek Agropolitan Batang Lepar, Sri Aman Sarawak. RISDA pula berperanan melaksanakan program tanaman baru getah dan penanaman semula getah serta kelapa sawit dengan peruntukan RM140 juta yang akan memanfaatkan hampir 20,000 pekebun kecil.



NKRA UPT dirangka untuk menangani isu-isu pengangkutan yang lazim dihadapi oleh penduduk bandar di Lembah Klang. Masalah-masalah tersebut termasuklah kesesakan teruk pada waktu puncak, masalah keandalan perkhidmatan dengan pembatalan atau kelewatan yang kerap serta akses yang tidak memuaskan kepada perkhidmatan atau rangkaian pengangkutan awam.

NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR (NKRA UPT)

Dalam usaha Malaysia melakukan pelbagai transformasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi, keperluan mewujudkan sistem pengangkutan awam bandar bertaraf dunia yang andal dan selesa dilihat sebagai satu keperluan yang sangat penting. NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar (UPT) diperkenalkan bagi menangani masalah pengangkutan yang lazim dan pada masa yang sama membolehkan keseluruhan infrastruktur dipertingkatkan sejajar dengan kemajuan negara. NKRA UPT dirangka untuk menangani isu-isu pengangkutan yang lazim dihadapi oleh penduduk bandar di Lembah Klang. Masalah-masalah tersebut termasuklah kesesakan teruk pada waktu puncak, masalah keandalan perkhidmatan dengan pembatalan atau kelewatan yang kerap serta akses yang tidak memuaskan kepada perkhidmatan atau rangkaian pengangkutan awam.

Kejayaan NKRA UPT

Hasil daripada inisiatif yang berskala besar, NKRA UPT telah meraih keputusan yang membanggakan. Antara kejayaan tersebut ialah pembinaan dan penyempurnaan ITT BTS (Terminal Bersepadu Selatan); pengenalan lima laluan Bus Expressway Transit (BET) dengan matlamat utama mengurangkan masa perjalanan bas dengan menggunakan jalan raya yang belum dimanfaatkan sepenuhnya; penaiktarafan 1,116 buah perhentian bas dan 272 buah lagi perhentian bas baharu dibina di Kuala Lumpur sejak 2012; pelancaran Terminal Pudu Sentral yang telah ditransformasikan menjadi sebuah terminal bas bagi pengguna antara bandar dan 470 buah bas RapidKL dilancarkan untuk meningkatkan kekerapan bas di Lembah Klang.





Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat 2010

Kerajaan juga telah melaksanakan penstrukturan semula industri pengangkutan awam dengan menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan menggubal Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat 2010. Menurut Laporan Tahunan Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2011 yang dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan memperkenalkan 11 inisiatif yang terbahagi kepada empat kategori utama - bas, rel, integrasi dan rangkaian berjaya menghasilkan keputusan yang diharapkan.

Penambahbaikan Rangkaian

Hentian Akhir Bandar (HAB) Pasar Seni dilancarkan pada November 2012 bertujuan meningkatkan integrasi antara perkhidmatan jalan raya dan rel. Selain itu, Touch & Go sistem pembayaran RF-1D di seluruh negara dipasang di Stesen Express Rail Link (ERL) pada Ogos 2012. Bukan itu sahaja, pada 30 Oktober 2012, kemudahan 'Park & Ride' disediakan di stesen LRT Gombak.

Terminal Bersepadu Bandar Tasik Selatan (ITT BTS)

Terminal yang dibangunkan di atas tanah seluas 20 hektar itu mempunyai enam tingkat, 55 platform bas, 150 ruang teksi, 1000 ruang tempat letak kereta dan 1,800 tempat duduk untuk pengguna dengan sistem hawa dingin di ruang menunggu dan sistem tempahan tiket secara interaktif mesra pengguna. Terminal bersepadu itu antara lain menyediakan kemudahan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), kemudahan Express Rail Link (ERL), komuter dan transit aliran ringan (LRT) mampu menampung 45,000 pengguna setiap hari.

Najib adalah individu yang bersungguh-sungguh untuk melihat projek TBS terlaksana demi kepentingan rakyat. Projek ini amat bermakna kepada Perdana Menteri kerana ia diambil kira berdasarkan rungutan rakyat yang mahukan sistem pengangkutan di negara ini lebih komprehensif dan beliau sendiri telah menjalankan kajian mendalam serta memasukkan projek ini sebagai salah satu NKPI.

Mempertingkatkan Kualiti Perhentian Bas

Dianggarkan terdapat sejumlah 4,000 buah perhentian bas di Lembah Klang dengan 40% daripadanya tidak berbumbung dan tidak mempunyai papan tanda. NKRA UTP telah menaik taraf sejumlah 1,116 buah perhentian bas dalam GTP 1.0, membina 272 buah perhentian bas baharu di Lembah Klang pada 2012 dan membina dua laluan perkhidmatan bas GoKL (laluan Hijau dan Ungu).



Berdasarkan data yang diperoleh daripada Kajian Lalu Lintas, jumlah penumpang awam meningkat kepada 930,468 perjalanan pada tahun 2012 berbanding 622,185 perjalanan tahun 2011.



Lapan Laluan BET

Inisiatif pelaksanaan Bus Expressway Transit (BET) berfungsi mengurangkan masa perjalanan bas awam dengan memanfaatkan lebuh raya yang tidak digunakan sepenuhnya di Lembah Klang. Lima laluan BET awal yang diperkenalkan pada tahun 2010 berjaya mengurangkan masa perjalanan sehingga 55%. Berdasarkan pencapaian ini, keputusan telah diambil untuk mewujudkan tiga lagi laluan BET tambahan dan satu laluan percubaan melibatkan kawasan-kawasan iaitu BET 6 – Bukit Beruntung – Pasar Seni; BET 7 – Sri Nilam, Ampang – KLCC; dan BET 8 – Semenyih Sentral – Pasar Seni.

Laluan BET memberi kelebihan iaitu mengurangkan secara purata 30-40 minit masa perjalanan; jumlah lalu lintas yang berkurangan di laluan terpilih; dan penurunan kadar kesesakan lalu lintas di pusat bandar (CDB) dengan penggunaan laluan alternatif.

Pertambahan Unit Bas RapidKL

470 buah bas RapidKL telah diperkenalkan dalam GTP 1.0 selain menaik taraf kemudahan sokongan seperti perhentian bas dan mewujudkan terminal pengangkutan bersepadu.

Meningkatkan Kapasiti Rel

Penambahan gerabak baru dalam operasi LRT Kelana Jaya telah meningkatkan bilangan penumpang dengan ketara seterusnya mengurangkan masa menunggu antara tren kepada serendah 2.07 minit pada waktu puncak berbanding dengan 2.79 minit pada ketika ini.

Dengan keseluruhan 35 set tren empat gerabak beroperasi sepenuhnya pada tahun 2011, terdapat penambahan sebanyak lebih 10.4 juta penumpang menggunakan LRT Kelana Jaya berbanding pada tahun 2010. Ini boleh diterjemahkan dengan jumlah penumpang seramai 44,170 pada waktu puncak. Sementara itu, sistem Monorel KL telah dinaik taraf menggunakan set 4 gerabak berbanding 2 sebelum ini.

Bagi Komuter KTM yang mempunyai seramai 32,000 penumpang pada waktu puncak pagi, pelan telah dirangka dengan melancarkan operasi perkhidmatan 37 set tren enam gerabak pada Mac 2012. Usaha ini telah berjaya melegakan kesibukan waktu pagi dengan meningkatkan pertambahan penumpang harian sebanyak 10,000 orang.

PERUBAHAN DALAM PERUNDANGAN

Najib sangat komited untuk mewujudkan demokrasi dalam politik negara dengan mengimbangi keperluan keselamatan negara dengan kebebasan individu. Selaras dengan itu, beliau dengan beraninya telah memansuhkan undang-undang yang sudah tidak relevan dengan perkembangan semasa. Antara Akta yang dimansuhkan ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Akta Buang Negeri 1959 dan Akta Kediaman Terhad 1933.

MEMANSUHKAN UNDANG-UNDANG YANG SUDAH TIDAK RELEVAN

Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012

Seksyen 27 Akta Polis digantikan dengan Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012 bagi membolehkan rakyat berhimpun secara aman dan menyuarakan pandangan mereka dengan cara yang tidak mengganggu keselamatan negara.

Akta Universiti dan Kolej Univerisiti (AUKU) 1974

Seksyen 15 Akta Universiti Dan Kolej Univerisiti (AUKU) 1974 juga telah dipinda bagi membolehkan pelajar menyertai parti politik apabila mereka mencapai umur 21 tahun.

Akta Penerbitan dan Percetakan

Akta Penerbitan dan Percetakan juga mengalami pindaan apabila syarikat penerbitan dan akhbar tidak lagi perlu memperbaharui lesen mesin cetak dan permit penerbitan masing-masing setiap tahun.



Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA 2012) diluluskan di Parlimen pada 24 November 2011 Ia adalah merupakan transformasi terhadap kerangka undang-undang sedia ada berhubung hak perlembagaan warganegara untuk berhimpun.





HADIAH KEPADA KOMUNITI

Najib juga telah memperkenalkan dua program utama iaitu Program Transformasi Luar Bandar (RTP) dan Program Transformasi Bandar (UTP) dalam usahanya memastikan komuniti bandar dan luar bandar mendapat manfaat yang sama daripada kemakmuran negara.

PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR (RTC)

RTC adalah inisiatif yang terdapat dalam RTP dan ia merupakan pusat kemudahan untuk menggabungkan kampung-kampung yang berdekatan dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti bercorak nilai-tambah yang tinggi. RTC dibangunkan dengan peranannya sebagai pusat sehenti sesuai dengan temanya 'Satu Hentian, Pelbagai Perkhidmatan'. Bagi Najib, adalah menjadi harapan beliau, penubuhan RTC mampu menjana pendapatan penduduk luar bandar seterusnya mengeluarkan mereka daripada garisan kemiskinan.

Langkah penubuhan pusat ini juga membolehkan produk yang dihasilkan penduduk tempatan dipasarkan di seluruh negara dan akhirnya menembusi pasaran eksport. Selain itu, penubuhan RTC membolehkan penduduk sekitarnya menjalani latihan dan program pembangunan keusahawanan malah, mereka boleh mendapatkan kemudahan bantuan kewangan dan perkhidmatan lain secara terus selain berkongsi maklumat dan pengetahuan.

RTC terbukti membawa kesan besar terhadap ekonomi penduduk luar bandar. Daripada sumber Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sehingga 31 Ogos 2012, nilai jualan bagi RTC Perak Gopeng di Perak mencatatkan RM54.3 juta manakala RTC Kota Baharu di Kelantan memperoleh RM237.2 juta dengan pelanggan bagi kedua-dua pusat itu mencecah tiga juta orang. Bangunan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Linggi, Melaka telah dinaik taraf menjadi RTC Melaka. Penubuhan RTC akan diperluaskan lagi ke tiga buah kawasan iaitu Kuala Kedah (Kedah), Tanjung Manis (Sarawak) dan Pekan Nanas (Johor).



RTC terbukti membawa kesan besar terhadap ekonomi penduduk luar bandar. Daripada sumber Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) sehingga 31 Ogos 2012, nilai jualan bagi RTC Perak Gopeng di Perak mencatatkan RM54.3 juta manakala RTC Kota Baharu di Kelantan memperoleh RM237.2 juta dengan pelanggan bagi kedua-dua pusat itu mencecah tiga juta orang.





PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

UTC pula ialah inisiatif yang dibangunkan di bawah UTP. UTC menawarkan pelbagai perkhidmatan utama kerajaan dan swasta kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan. Terdapatnya lebih 30 buah yang menawarkan pelbagai bentuk perkhidmatan. Pemusatan perkhidmatan ini membolehkan komuniti bandar membuat pelbagai urusan dengan jabatan kerajaan dan swasta dalam tempoh masa yang lebih jimat tanpa perlu pergi ke bangunan-bangunan kerajaan yang berlainan untuk urusan yang berkaitan.

Pusat setempat itu turut menyediakan tapak pasar tani, perkhidmatan mini perpustakaan, pusat tuisyen, siber kafe, pusat kecergasan dan studio muzik bagi golongan belia. UTC diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kerajaan kepada rakyat menerusi kerjasama strategik antara kementerian, jabatan dan agensi. UTC juga turut menyediakan pusat pembangunan dan aktiviti belia, ruang perniagaan produk tempatan dan pusat kegiatan badan bukan kerajaan (NGO) yang dijadualkan beroperasi tujuh hari seminggu bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam. UTC pertama telah dilancarkan di Melaka pada 23 Jun 2012, UTC kedua di Pudu Sentral, Kuala Lumpur pula telah dilancarkan pada 22 September 2012 manakala UTC ketiga baru sahaja dirasmikan di Ipoh Perak pada 15 Februari 2013.

PASAR BERGERAK 1MALAYSIA (PB1M)

PB1M Bergerak secara berkumpulan dengan Pasar Tani Karavan 1Malaysia. Pendekatan serampang dua mata ini menyelesaikan logistik pemasaran bagi pengusaha manakala rakyat berpendapatan rendah boleh menikmati barangan lebih segar lagi berkhasiat pada harga berpatutan. Produk jualan PB1M; Barang kawalan – beras, gula, tepung dan minyak masak; Makanan segar – sayur-sayuran dan buah-buahan; Makanan dingin dan sejuk beku; Produk makanan proses yang dibotolkan dan ditinkan; Produk makanan proses IKS keluaran tempatan; Produk tenusu, hasil ternakan dan hasil laut; Produk makanan runcit – sardin, mihun, mee segera, dan lain-lain; dan Barangan keperluan harian dan kelengkapan pengguna seperti sabun dan ubat gigi.

KEDAI MAKAN ASNAF 1MALAYSIA

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melancarkan Kedai Makan Asnaf 1Malaysia yang pertama seumpamanya di negara ini sebagai satu lagi usaha berterusan untuk membantu golongan asnaf dan gelandangan di sekitar ibu negara. Kedai Makan Asnaf 1Malaysia yang menyediakan makanan percuma itu adalah kesinambungan program pemberian makanan melalui masjid dan surau yang telah diperkenalkan sejak 2009. Kedai makan ini juga terbuka kepada mereka yang bukan beragama Islam dan setakat ini, Kedai Asnaf 1Malaysia telah dikunjungi hampir 800 orang golongan asnaf dan gelandangan setiap hari.

PROGRAM INTEGRASI 1MALAYSIA BERSAMA AIR ASIA

Program Integrasi 1Malaysia bersama Air Asia, menyaksikan tawaran penerbangan percuma oleh syarikat penerbangan itu bagi laluan antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung, untuk satu tempoh tertentu. Inisiatif Air Asia yang berpaksikan konsep gagasan 1Malaysia pasti akan dapat 'mendekatkan' lagi Sabah dan Sarawak dengan semenanjung.

BANTUAN TAYAR 1MALAYSIA (BT1M)

Diperkenalkan pada tahun 2012 sebagai program sekali sahaja (*one-off*) untuk membantu pemandu teksi mengurangkan kos sara hidup mereka. Dianggarkan 67,300 teksi akan meraih manfaat daripada program yang menelan belanja RM35 juta.

PROGRAM SUSU 1MALAYSIA

Program Susu 1Malaysia yang akan dinikmati lebih tiga juta pelajar sekolah rendah di 7,685 sekolah rendah kerajaan seluruh negara adalah sebahagian hasrat kerajaan untuk membina generasi baru yang lebih cerdas. Pelaksanaan program di bawah kelolaan Kementerian Pelajaran itu, bukan setakat memperkenalkan program Susu 1Malaysia malah bermatlamat untuk mewujudkan generasi muda Malaysia yang kuat, sihat dan secara mentalnya lebih dinamik pada masa depan.

TASKA 1MALAYSIA

Kerajaan menyediakan 40 Taska 1Malaysia yang diurus Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi membantu wanita memperoleh penjagaan bayi berkualiti dan pendidikan awal untuk anak-anak mereka. Antara tujuan penubuhan Taska 1 Malaysia ialah menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pengasuhan kanak-kanak dalam suasana yang selamat, ceria dan selesa; menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh, seimbang dan bersepadu; dan menyediakan makanan seimbang dan berkhasiat bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak serta mengamalkan gaya hidup sihat.

PROGRAM JUALAN KEMBALI KE SEKOLAH (JKKS)

Program Jualan Kembali Ke Sekolah (JKKS) kini diperluas ke seluruh negara bagi memenuhi permintaan masyarakat. Menerusi program itu, masyarakat berpeluang menikmati diskaun sehingga 50 peratus untuk barangan keperluan sekolah, sekali gus meringankan beban ibu bapa. Inisiatif itu diperkenalkan KPDNKK tahun 2011 bagi mengurangkan beban ibu bapa ketika menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak.

TUISYEN RAKYAT 1MALAYSIA (i-TR1M)

Program Interaktif-Tuisyen Rakyat 1Malaysia (i-TR1M), adalah inisiatif Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) khusus untuk membantu pelajar-pelajar dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah atau yang kurang berkemampuan. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2 juta daripada dana khas untuk menjayakan program ini. Projek perintis program itu akan dilaksanakan di negeri Selangor melibatkan 10,000 pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Program yang berlangsung dari 18 Jun hingga Oktober 2012 ini dilaksanakan di 107 buah sekolah iaitu 30 buah sekolah menengah dan 77 buah sekolah rendah di Selangor.

KESIHATAN RAKYAT SATU KEUTAMAAN

KLINIK 1MALAYSIA

Klinik 1Malaysia adalah sebahagian daripada pengisian Gagasan 1Malaysia yang dihasilkan atas usaha Perdana Menteri yang memberi fokus khas terhadap perhubungan harmoni antara kaum, penyatuan nasional dan pentadbiran efisien. Klinik 1Malaysia beroperasi setiap hari, tujuh hari seminggu dari pukul 10 pagi hingga 10 malam. Para petugasnya adalah jururawat terlatih dan penolong pegawai perubatan. Klinik itu menawarkan khidmat perubatan bagi kes-kes ringan seperti sakit dan kecederaan biasa seperti demam, batuk, selesema dan luka kecil selain rawatan susulan bagi kencing manis dan darah tinggi.

Menurut Laporan Program Transformasi Negara 2012, sejumlah 168 Klinik 1Malaysia sedang memberi rawatan kepada lebih 6 juta rakyat Malaysia. Klinik 1Malaysia telah dilancarkan oleh Najib di Flet Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur pada 7 Januari 2010. Usaha ini merupakan salah satu bukti kerajaan prihatin dengan golongan berpendapatan rendah. Klinik 1Malaysia yang terletak di kawasan bandar, telah menerima purata 100 pesakit dirawat setiap hari. Dengan pembukaan klinik 1Malaysia, lebih banyak rakyat Malaysia terutama daripada isi rumah yang berpendapatan rendah dapat menerima rawatan perubatan di klinik ini pada harga serendah RM1 dan percuma bagi warga emas.



Selaras dengan semangat 1Malaysia iaitu Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Perkhidmatan ini membolehkan kawasan-kawasan penempatan yang dahulunya dapat dilawati sebulan sekali kini boleh dikunjungi dua minggu sekali.



BOT KLINIK BERGERAK 1MALAYSIA (KB1M) DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN MENERBANG

Satu lagi kejayaan atau transformasi yang dibawa oleh KKM ialah pelancaran Bot Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) pada 14 April 2011 di Ekspress Bot Jeti di daerah Marudi. Kemunculan KB1M ini adalah hasil kerjasama antara KKM dan Yayasan 1Malaysia Development Berhad. KKM juga menyediakan Perkhidmatan Kesihatan Menerbang kepada 100 orang penduduk di Sarawak dengan menggunakan tiga buah helikopter. Kawasan seperti Kuching, Sibu dan Miri tidak boleh diakses melalui pengangkutan darat atau air. Oleh itu, KKM menyediakan kemudahan seperti helikopter, pegawai perubatan, jururawat dan peralatan perubatan.

KLINIK PERGIGIAN BERGERAK 1MALAYSIA

Selepas Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia, Klinik Pergigian Bergerak 1Malaysia pula diperkenalkan. Klinik itu bertujuan menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian kepada golongan yang tinggal di pedalaman. Kajian mendapati kesihatan pergigian rakyat di negara ini dilihat masih belum sampai ke tahap yang memuaskan. Kerajaan menanggung anggaran 95 peratus kos rawatan pergigian asas di klinik pergigian kerajaan, contohnya pesakit hanya perlu membayar RM2 untuk satu tampalan gigi yang sebenarnya menelan kos RM31.



SEKOLAH DALAM HOSPITAL

Penubuhan Sekolah Dalam Hospital merupakan satu lagi kejayaan KKM yang mengagumkan. Pelancaran Projek Hari Nurani, Sekolah Dalam Hospital pada 26 Julai 2011 menyediakan peluang pendidikan kepada pesakit kanak-kanak yang terpaksa menetap di hospital untuk menerima rawatan dalam jangka masa yang panjang. Projek ini dijalankan oleh Yayasan Nurul Yaqeen bersama Kementerian Pelajaran Malaysia dan KKM di tiga buah hospital iaitu Hospital Kuala Lumpur, Ampang dan Serdang.



IMUNISASI HPV, PUSAT BERSALIN BERISIKO RENDAH 1MALAYSIA DAN MAMOGRAM PERCUMA

Kesihatan kaum hawa mendapat perhatian Najib dan sebanyak RM150 juta diperuntukkan khusus untuk suntikan imunisasi HPV mencegah kanser serviks. Suntikan ini diberikan percuma kepada semua pelajar perempuan tingkatan 1 di sekolah dan gadis yang berusia 13 tahun.

Bukan itu sahaja, penekanan turut diberikan untuk mendapatkan perkhidmatan kelahiran yang selamat. Pada 19 April 2012, Perdana Menteri telah merasmikan Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1Malaysia di Presint 8, Putrajaya yang menawarkan perkhidmatan kelas satu dengan kadar bayaran serendah RM3.

Sementara itu bagi meningkatkan kesedaran kaum wanita untuk melakukan pemeriksaan awal, sebanyak RM25 juta diperuntukkan bagi pemeriksaan mamogram percuma dengan manfaat 100 ribu wanita berumur 40 tahun ke atas.

PERUMAHAN YANG MAMPU DIMILIKI

PROJEK RUMAH 1MALAYSIA (PR1MA)

Najib juga prihatin kepada rakyat Malaysia yang tidak memiliki kediaman sendiri. Sehubungan itu, beliau memperkenalkan Projek Perumahan 1Malaysia atau PR1MA yang disasarkan kepada golongan berpendapatan pertengahan yang tidak mampu memiliki rumah yang mahal, tetapi pada masa yang sama, mereka tidak layak untuk memohon skim perumahan kos rendah. Permohonan hanya dibenarkan untuk bakal pemilik rumah yang memohon untuk kali pertama, dengan pendapatan tidak melebihi RM6,000 sebulan.

Para pemohon yang berjaya, layak untuk menerima pinjaman 105% (tambahan lima peratus adalah untuk perlindungan insurans dan yuran undang-undang) daripada harga rumah dan tempoh pinjaman maksimum 30 tahun. Namun, para pemohon tidak dibenarkan menjual rumah mereka dalam tempoh 10 tahun pertama. Mereka juga mendapat manfaat daripada pengecualian duti setem. Bagi menyokong inisiatif itu, Perbadanan Program Perumahan 1Malaysia telah ditubuhkan bagi merancang dan menyelaras projek di bawah program PR1MA.

Kerajaan sehingga kini telah mengenal pasti sebanyak 20 tapak strategik di Lembah Klang, Rawang dan Seremban bagi pelaksanaan PR1MA. Sebanyak lapan projek telah bermula pada tahun 2011 dan 2012. Jumlah bilangan unit rumah yang dibina di 20 lokasi tersebut dianggarkan sejumlah 42,000 unit. Presint 11, Putrajaya telah dipilih untuk menjadi tapak pertama skim PR1MA. Projek ini akan menyediakan 560 unit pangsapuri di kawasan seluas 7.6 ekar.

Kerajaan telah berjaya dalam menyusun atur kawasan bandar dan kawasan luar bandar dengan menyediakan perumahan-perumahan mampu milik yang boleh dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah. Pada masa kini, kerja-kerja penempatan masih lagi berjalan bagi memastikan pembinaan rumah siap untuk golongan dari berbagai lapisan masyarakat. Hal ini juga tertakluk sebagai memastikan keselamatan penduduk terjamin dan selesa.



Kerajaan telah berjaya dalam menyusun atur kawasan bandar dan kawasan luar bandar dengan menyediakan perumahan-perumahan mampu milik yang boleh dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah.

Pada masa kini, kerja-kerja penempatan masih lagi berjalan bagi memastikan pembinaan rumah siap untuk golongan dari berbagai lapisan masyarakat. Hal ini juga tertakluk sebagai memastikan keselamatan penduduk terjamin dan selesa.

PROGRAM PENYENGGARAAN PERUMAHAN (PPP)

Kediaman yang selesa dan selamat menjadi agenda penting Najib. Dengan itu Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) dengan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk dilaksanakan sepanjang tempoh RMK-10 (2011-2015). Program ini adalah bagi tujuan membiayai kerja-kerja baik pulih dan penyenggaraan kawasan pemajuan perumahan kos rendah awam ataupun swasta berbilang tingkat.

PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR)

Program Perumahan Rakyat adalah satu program kerajaan untuk penempatan semula setinggan dan memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan berpendapatan rendah. Jabatan Perumahan Negara adalah agensi pelaksana utama bagi projek-projek PPR di seluruh Malaysia. PPR terdiri daripada dua kategori iaitu PPR Disewa (PPRS) dan PPR Dimiliki (PPRM). Pada asalnya program PPRM hanya dilaksanakan di negeri Pahang tetapi mulai Rancangan Malaysia ke-10, Program PPR Dimiliki telah diperluaskan di negeri Kelantan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Sabah.



SKIM MUDAH MILIK

Selain itu, Syarikat Perumahan Negara berhad (SPNB) turut menawarkan Skim Mudah Milik yang menawarkan pembelian rumah dengan hanya membayar deposit sebanyak RM250 ketika menandatangani Perjanjian Jual beli sebelum pinjaman diluluskan. Pakej ini terbuka kepada semua pembeli dan semua jenis rumah yang dijual oleh SPNB. Ini termasuk pembeli yang telah lama bekerja dan boleh mengeluarkan simpanan daripada Akaun 2 KWSP dan juga rumah-rumah jenis kos sederhana, kos sederhana rendah, kos rendah dan rumah di bawah harga RM100,000.00. SPNB turut memfokuskan kepada pembangunan rumah mampu milik di seluruh negara melalui pelaksanaan Program Rumah Mampu Milik atau lebih dikenali Program RMM.

Skim ini bertujuan membantu golongan muda di bawah umur 35 tahun dan berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk memiliki rumah pertama.

Projek pembangunan berkonsepkan perniagaan sosial membolehkan golongan muda mendapat pembiayaan sehingga 100 peratus daripada institusi-institusi kewangan untuk membeli rumah pertama tanpa perlu membayar 10 peratus wang pendahuluan.

SKIM RUMAH PERTAMAKU

Pada bulan Mac 2011, Perdana Menteri telah melancarkan Skim Rumah Pertamaku yang disasarkan kepada individu berumur 35 tahun ke bawah, berpendapatan tidak lebih daripada RM3,000 sebulan untuk membeli rumah dalam lingkungan RM100,000 hingga RM220,000. Skim ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat dan menjana permintaan untuk rumah-rumah dalam kategori ini. Kerajaan telah mengumumkan dalam Bajet 2013 yang had pendapatan kasar akan ditingkatkan dari RM3,000 kepada RM5,000 sebulan dan beberapa kriteria kelayakan tertentu akan dimansuhkan berkuat kuasa dengan serta merta.



MENJANA PENINGKATAN EKONOMI MENERUSI PERNIAGAAN

PENUBUHAN EKUINAS

Dalam pentadbiran Najib, beliau sentiasa memastikan transformasi dilaksanakan ke atas syarikat Malaysia bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi menjadi peneraju pasaran masa depan. Sehubungan itu, EKUINAS yang ditubuhkan di bawah Yayasan Ekuiti Nasional bertindak sebagai instrumen yang mesra-pasaran. Penubuhannya merupakan suatu langkah inovatif untuk meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera yang tidak berganjak daripada 19 peratus berbanding sasaran 30 peratus yang ditetapkan oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

EKUINAS dijangka melabur sejumlah RM5 bilion sehingga 2015 dengan memperoleh kepentingan ekuiti strategik di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi. Menurut Najib, antara sektor yang telah dikenal pasti oleh EKUINAS adalah minyak dan gas, pendidikan, barangan pengguna laris, peruncitan dan percutian, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan.



EKUINAS telah berjaya menjana pulangan portfolio yang teguh dengan **Kadar Pulangan Dalaman bersih** sebanyak **20.8 peratus**. Selain itu, menerusi pelaburannya pada 2010 juga **ekuiti bumiputera** dapat ditingkatkan kepada lebih **RM482.3 juta**.

UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA (TERAJU)

Menyedari keperluan menyediakan pelan jangka panjang bagi memperkukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara, kerajaan pimpinan Najib telah menubuhkan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) pada 2 Februari 2011. Bagi mencapai matlamat penubuhannya, TERAJU telah melancarkan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera. Hala tuju ini berpegang teguh kepada prinsip yang terkandung dalam MBE, iaitu mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit dan ketelusan. Rangka dasar ini adalah berlandaskan kepada asas kukuh yang telah diperoleh dalam tempoh 40 tahun di bawah pelaksanaan DEB.



SWEAT EQUITY

Rentetan daripada penubuhan TERAS, Najib turut mengumumkan *Sweat Equity*. *Sweat Equity* merupakan program yang menyasarkan individu Bumiputera yang berkebolehan dan berkepakaran bagi memastikan syarikat yang diterajui mampu berkembang dengan baik sekali gus meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera secara langsung. Salah satu contoh kolaborasi ke arah ini ialah kerjasama yang dimeterai antara TERAJU, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Johor Corporation (JCorp). Ini termasuk kerjasama untuk meningkatkan ekuiti dan membangunkan usahawan korporat bumiputera.

TERAS

Najib komited mahu meningkatkan penyertaan bumiputera dalam Industri Kecil dan Sederhana (EKS). TERAS yang dilancarkan pada 20 Julai 2011. Ia merupakan satu inisiatif hasil dari makmal "*Narrowing Disparity*" (Merapatkan Jurang) usaha sama Pemandu dan TERAJU pada awal tahun 2011. Menurut Najib, syarikat di bawah TERAS akan mendapat akses kepada peluang perniagaan baru, pembiayaan, guna tenaga berbakat dan perkhidmatan nasihat perniagaan. Usaha ini dilaksanakan bertujuan mencapai sasaran menyumbang 20 peratus daripada KDNK menjelang 2020. Sebagai permulaan sebanyak 1,100 EKS Bumiputera yang merangkumi 100 EKS Bumiputera sederhana dan 1000 buah syarikat kecil atau mikro teratas, dikenal pasti berdasarkan kriteria yang jelas dan proses terbuka yang telus. Setakat ini, TERAJU menyasarkan 1,500 buah syarikat dalam tempoh lima tahun dan sudah ada 130 syarikat yang dikenal pasti berpotensi.



Najib merupakan tonggak utama kejayaan penyenaiaan FGVH.

Usaha murni beliau ini diterjemahkan dengan pulangan saham yang lumayan diberikan kepada peneroka FELDA termasuk bonus produktiviti, duit raya, pinjaman perumahan dan banyak lagi bantuan tetap yang diberikan saban tahun. Najib juga mengumumkan durian runtuh sebanyak RM15,000 diberikan kepada peneroka FELDA berikutan penyenaiaan FGVH.



PENYENARAIAAN FGVH

Umum mengetahui, Perdana Menteri Keenam ini tidak putus-putus berusaha gigih bagi memberikan yang terbaik buat warga FELDA. Antara yang dilaksanakan beliau ialah penyenaiaan FELDA Global Ventures Holdings (FGVH). Biarpun pada awalnya mendapat pelbagai reaksi, akhirnya niat murni beliau terlaksana apabila pada 31 Mei 2012, Perdana Menteri melancarkan Prospektus Tawaran Awal Permulaan (IPO) FGVH yang menawarkan RM2.19 bilion saham biasa. Daripada jumlah itu, sebanyak RM1.92 bilion ditawarkan untuk pelabur institusi tempatan dan asing. Penyenaiaan saham terbesar di Asia dan kedua terbesar di dunia selepas Facebook ini mula berada di pasaran utama Bursa Malaysia bermula 29 Jun 2012.

DURIAN RUNTUH FELDA

Najib merupakan tonggak utama kejayaan penyenaiaan FGVH. Usaha murni beliau ini diterjemahkan dengan pulangan saham yang lumayan diberikan kepada peneroka FELDA termasuk bonus produktiviti, duit raya, pinjaman perumahan dan banyak lagi bantuan tetap yang diberikan saban tahun. Najib juga mengumumkan durian runtuh sebanyak RM15,000 diberikan kepada peneroka FELDA berikutan penyenaiaan FGVH.

Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) merupakan program untuk membangunkan ekonomi penduduk luar bandar. Program berbentuk komuniti itu memberi peluang kepada lebih ramai pihak terlibat dalam rantai perniagaan bermula daripada pengeluaran bahan mentah, pemrosesan produk, logistik dan pemasaran produk kepada pengguna. Pada tahun 2012, Garis Panduan Baru Pelaksanaan program SDSI telah dikeluarkan dan dilancarkan sendiri oleh Najib semasa Majlis Perasmian Pameran SDSI Peringkat Nasional 2012 pada 8 Disember 2012 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh Melaka.

Antara program yang telah dijalankan dan berakhir dengan jayanya ialah pengiklanan produk dan usahawan SDSI dalam majalah Going Places yang diterbitkan oleh Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan dipamerkan di dalam semua penerbangan domestik dan antarabangsa. Sebanyak empat edisi secara suku tahunan selama setahun telah berjaya diterbitkan merangkumi 31 usahawan terpilih daripada 12 buah negeri di Malaysia. Impak daripada program sebegini telah menyaksikan minat daripada 46 pihak dari luar negara dan sebanyak 113 jaringan perniagaan baru dalam Malaysia.



TRX yang dilancarkannya pada 30 Julai 2012 bakal menjadi mercu tanda baru Kuala Lumpur.

Ia juga menjadi tarikan pelbagai aktiviti ekonomi yang memberi hasil berganda, selaras dengan tekad kerajaan menjadikannya ikon untuk komuniti perniagaan berinteraksi dan pusat pertemuan moden bagi penerokaan peluang pelaburan baru mencecah sehingga RM26 bilion.

TUN RAZAK EXCHANGE IKON KOMUNITI PERNIAGAAN

Najib melancarkan *Tun Razak Exchange (TRX)* yang merupakan satu lagi inisiatif bagi meletakkan Kuala Lumpur dalam senarai 20 buah bandar raya terbaik dunia. Bagi Najib, pencapaian itu penting supaya Kuala Lumpur dapat diiktiraf sebagai peneraju pusat kewangan, perdagangan dan perkhidmatan antarabangsa. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan negara. TRX yang dilancarkannya pada 30 Julai 2012 bakal menjadi mercu tanda baru Kuala Lumpur. Ia juga menjadi tarikan pelbagai aktiviti ekonomi yang memberi hasil berganda, selaras dengan tekad kerajaan menjadikannya ikon untuk komuniti perniagaan berinteraksi dan pusat pertemuan moden bagi penerokaan peluang pelaburan baru mencecah sehingga RM26 bilion.



NOMBOR IDENTITI KORPORAT MALAYSIA (MyCoID)

Pada 11 Februari 2010, Najib melancarkan inisiatif Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID). MyCoID merupakan nombor syarikat yang digunakan sebagai satu siri nombor rujukan tunggal untuk kegunaan pelbagai urusan dengan agensi kerajaan dan merupakan satu lagi langkah yang menaikkan kedudukan Malaysia dalam laporan kompetitif dunia. Sementara itu, bagi mengiktiraf penghasilan inovasi yang benar-benar signifikan dan berimpak tinggi, Najib memperkenalkan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) sebagai anugerah sektor awam yang terunggul dan berprestij bermula tahun 2010.

PROGRAM INKUBATOR KEMAHIRAN IBU TUNGGAL DAN *GET MALAYSIAN BUSINESS ONLINE*

Sesuai dengan peredaran masa kini, bilangan wanita yang berminat menceburi bidang keusahawanan semakin bertambah. Justeru, pelbagai kemudahan disediakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Najib bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam bidang ini. Najib telah menyediakan peruntukan yang besar melalui Bajet 2011 sehingga Bajet 2013 khusus untuk memajukan perniagaan golongan wanita. Antara program yang diperkenalkan Najib ialah Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal, mengadakan Anugerah Perdana Usahawan dan Tokoh Aktivistik Wanita bersempena Hari Wanita mulai tahun 2011.

SARA 1MALAYSIA (SKIM AMANAH RAKYAT 1MALAYSIA)

Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1Malaysia) diuruskan oleh Syarikat Tujuan Khas (SPV), Malaysian Development Holdings Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Kementerian Kewangan Diperbadankan. Skim khas ini bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan rendah menabung dan melabur. Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah RM500 juta dengan sasaran penyertaan seramai 100,000 isi rumah. Bayaran insentif bulanan disediakan kepada para peserta dalam bentuk unit tambahan Amanah Saham 1Malaysia (AS 1Malaysia) setiap bulan selama lima tahun. Peserta perlu pastikan sentiasa mempunyai minimum 100 unit AS 1Malaysia dalam buku pelaburan pada setiap masa. Melalui Skim Amanah Rakyat 1Malaysia SARA 1Malaysia ini, satu-satu isi rumah boleh membuat pelaburan samada melalui pinjaman bank atau simpanan sendiri berjumlah RM5,000. Sekiranya melalui pinjaman bank, peminjam boleh membuat pinjaman RM5,000 untuk tempoh 5 tahun dengan pembayaran balik hanya sebanyak RM84 daripada RM134, RM50 merupakan keuntungan daripada pelaburan.



Melalui Skim Amanah Rakyat 1Malaysia SARA 1Malaysia

ini, satu-satu isi rumah boleh membuat pelaburan samada melalui pinjaman bank atau simpanan sendiri berjumlah RM5,000. Sekiranya melalui pinjaman bank, peminjam boleh membuat pinjaman RM5,000 untuk tempoh 5 tahun dengan pembayaran balik hanya sebanyak RM84 daripada RM134, RM50 merupakan keuntungan daripada pelaburan.



PEMBANGUNAN UMMAH

IMBUHAN KHAS QARI / QARIAH DAN PENUBUHAN TV ALHIJRAH

Bagi menghargai jasa dan sumbangan para Qari dan Qariah yang telah menjadi johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif dengan memberikan imbuhan khas sebanyak RM2,000.00 setiap bulan mulai Oktober 2009. Ganjaran seumur hidup ini diberi kepada 23 orang Qari dan Qariah sebagai menghargai jasa mereka mengharumkan nama negara di mata dunia.

Pada 16 September 2009, TV Alhijrah mula bersiaran secara rasmi dan mencipta sejarah tersendiri apabila menjadi perintis stesen digital tinggi (HD) dalam industri penyiaran tempatan. TV Alhijrah yang juga stesen televisyen percuma (FTA) menghidangkan penonton dengan rancangan yang menekankan nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian.

PROGRAM KHAS HAJI

Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri juga telah melaksanakan Program Khas Haji 1433H/2012 dengan menaja 400 orang yang terdiri daripada imam dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) seluruh negara untuk mengerjakan ibadat haji. Program Khas Tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ini telah mendapat kuota khas dari Kerajaan Arab Saudi pada musim Haji Tahun 2012. Ianya adalah rentetan dari pelaksanaan program tahun 2011 yang mana telah melibatkan seramai 111 imam terpilih di seluruh negara.



Usaha murni beliau adalah bertujuan menyediakan dana BSK sebagai pendahuluan bantuan berbentuk kebajikan kepada para isteri dan ibu tunggal bagi meneruskan kehidupan; menyara keperluan diri dan anak-anak.



IslamGRID

Bagi menghasilkan impak yang tinggi terhadap produk yang memberi perkhidmatan yang berprestasi tinggi, satu lagi daya usaha JAKIM ialah portal <http://www.islamgrid.com.my>, www.islamgrid.com.my. IslamGRID adalah projek kerjasama antara MAMPU dan JAKIM serta dibantu beberapa agensi lain seperti MOSTI. Objektif projek ini ialah mengumpul, memulihara, menyebarkan dan mempromosi Ilmu Islam kepada semua umat Islam global, sama ada di sektor pentadbiran, industri dan komersial. IslamGRID merupakan pusat repositori kandungan digital Islam dan kolaborasi global Ilmu Islam yang lengkap dan menyeluruh.

GERAN BANTUAN SOKONGAN KELUARGA

Transformasi yang dilaksanakan ini mencetuskan idea Najib bagi mewujudkan geran dana Bantuan Sokongan Keluarga (BSK). Geran sebanyak RM15 juta ini bertujuan menjamin kebajikan dan hak yang teraniaya dalam urusan nafkah orang Islam dan demi mempertahankan imej Mahkamah Syariah. Usaha murni beliau adalah bertujuan menyediakan dana BSK sebagai pendahuluan bantuan berbentuk kebajikan kepada para isteri dan ibu tunggal bagi meneruskan kehidupan, menyara keperluan diri dan anak-anak.

Najib, yang juga penaung YPP1M mengumumkan geran RM100,000 bagi penubuhan sebuah pusat sumber di ibu pejabat yayasan itu selain mengumpul bahan-bahan ilmiah, manuskrip dan jurnal serta sebarang penerbitan atau catatan berkaitan sejarah pondok, ulama pondok dan karya-karya mereka.

LANTIKAN HAKIM SYARIE WANITA

Susulan kepada saranan beliau kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkaitan kesamarataan gender dalam kalangan Pegawai Syariah Lelaki dan Wanita, akhirnya JKSM telah melantik tiga orang Hakim Syarie Wanita. Najib juga mengumumkan penubuhan Akademi Latihan Kehakiman Syariah bertujuan memberi latihan secara profesional kepada para Hakim, Pendakwa dan Pegawai Syariah termasuk peguam-peguam syarie di Malaysia.

STANDARD PENARAFAN MASJID MALAYSIA (SPMM) DAN RAUDHATUL SAKINAH

Najib sentiasa berusaha melakukan anjakan paradigma secara menyeluruh khususnya dalam bidang inovasi pengurusan Islam. Antara yang dilaksanakan ialah, pembangunan Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) - *'Star Rating'* yang membantu mewujudkan sistem pengurusan masjid yang lebih efisien dan membangunkan Tanah Perkuburan Islam yang berkonsepkan Raudhatul Sakinah dan Sistem E-Pusara.



YAYASAN PEMBANGUNAN PONDOK 1MALAYSIA (YPP1M)

Najib melihat institusi pondok masih relevan diwujudkan pada masa kini kerana ia menjadi benteng dalam mempertahankan identiti Melayu-Islam ini. Najib berpendapat, sistem pondok memenuhi maqasid atau matlamat syariah termasuk agama, kemanusiaan, pembangunan ekonomi, pendidikan dan keamanan. Melihat kepada perkembangan semasa, Najib menjelaskan banyak buku karya besar diambil daripada teks pondok dan dibaca oleh orientalis Barat dan musuh-musuh Islam. Najib, yang juga penaung YPP1M mengumumkan geran RM100,000 bagi penubuhan sebuah pusat sumber di ibu pejabat yayasan itu selain mengumpul bahan-bahan ilmiah, manuskrip dan jurnal serta sebarang penerbitan atau catatan berkaitan sejarah pondok, ulama pondok dan karya-karya mereka.

PENERANGAN DAN KOMUNIKASI



RUMAH TERBUKA

Kerajaan pimpinan Najib meneruskan tradisi mengadakan sambutan rumah terbuka saban tahun. Melalui sambutan ini, ia memberi peluang kepada masyarakat semua kaum turut sama meraikan perayaan dalam suasana muhibah dan mengukuhkan perpaduan sejajar dengan gagasan 1Malaysia. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kerajaan pimpinan Najib juga tidak ketinggalan mengadakan Sambutan Rumah Terbuka Peringkat Kebangsaan bagi setiap perayaan seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan perayaan-perayaan lain seperti Vaisakhi, Hari Gawai dan sebagainya. KPKK sering diberi tanggungjawab untuk menguruskan sambutan ini dan lokasi sambutan akan berubah pada setiap tahun bagi memberi peluang kepada seluruh rakyat Malaysia meraikannya.

Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, kerajaan pimpinan Najib juga tidak ketinggalan mengadakan Sambutan Rumah Terbuka Peringkat Kebangsaan bagi setiap perayaan

seperti Hari Raya, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan perayaan-perayaan lain seperti Vaisakhi, Hari Gawai dan sebagainya.



DANA INDUSTRI KREATIF

Dalam usaha membangunkan negara menjadi negara berpendapatan tinggi, Perdana Menteri tidak melupakan penggiat seni negara. Ini dibuktikan apabila sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan untuk Dana Industri Kreatif, KPKK. Dana tersebut terbuka kepada penggiat perfileman, pertukangan, muzik, lukisan, penulisan dan seni tampak. Dana ini banyak membantu pihak kementerian yang komited membangunkan industri seni kreatif negara berikutan wujudnya penggiat seni tanah air yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa antaranya, syarikat penerbitan Les Copaque dan KRU. Terdapat enam dana yang disediakan kementerian dalam program ini dan antaranya Pinjaman Dana Industri Kreatif, Dana Pembangunan Industri Kreatif, Dana Kesan Khas CGI, Dana Filem Cereka Animasi, Skim Bantuan Kebudayaan dan Tabung Kebajikan Penggiat seni. Sebanyak RM140 juta dana telah dibelanjakan melibatkan pembiayaan lebih 120 pemohon sejak diperkenalkan dalam Bajet 2010



YAYASAN ARTIS 1MALAYSIA

Pada 11 November 2012, KPKK telah melancarkan Yayasan Artis 1Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dan disempurnakan oleh Perdana Menteri. Dalam ucapannya, Najib mencadangkan kepada Kabinet untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi Yayasan Artis 1Malaysia (YA1M). Sebanyak RM2 juta disalurkan pada tahun 2012 dan RM3 juta pada tahun 2013. Dana itu digunakan untuk menjaga kebajikan para artis khususnya yang berstatus warga emas. Penubuhan yayasan tersebut merupakan pelengkap kepada usaha untuk menghargai jasa dan pengorbanan para artis dalam mengangkat martabat seni negara.

Dalam tahun 2013, kerajaan berhasrat memberi perkhidmatan percuma kepada golongan kurang berkemampuan di bandar dan juga di luar bandar. Inilah hadiah perkhidmatan kasih sayang Perdana Menteri Dato' Sri Najib kepada rakyat Malaysia.

SKIM JALUR LEBAR BERKELAJUAN TINGGI

Semenjak Perdana Menteri melancarkan skim jalur lebar berkelajuan tinggi atau HSBB pada 24 Mac 2010 di Dataran Merdeka, pelbagai lonjakan kemajuan dalam bidang komunikasi telah dicapai. Dengan bimbingan KPKK dan SKMM, syarikat-syarikat Telco terus mencatat capaian hebat, bukan sahaja daripada sudut keuntungan tetapi juga daripada segi khidmat untuk rakyat yang kian meningkat bilangannya. Pengguna internet melalui jalur lebar pada masa ini melebihi 13 juta orang. Eksport industri kandungan mencecah RM500 juta setahun selain KDNK melalui industri telekomunikasi yang bakal mencecah RM58 bilion menjelang 2020. Memang harus diakui, telekomunikasi menyumbang sebahagian besar kepada pendapatan negara selain bertindak sebagai penukar olahan tamadun (game changer) kepada penduduk Malaysia.

Pada tahun 2009, kadar penembusan jalur lebar hanya sekitar 23% daripada jumlah 6,200 isi rumah. Pada awal 2013, angka ini telah melonjak ke paras 67% iaitu menyaksikan peningkatan sebanyak 43% dalam tempoh hampir empat tahun. Ini bermakna, tinggal 8% lagi bagi mencapai 75% seperti yang digariskan kerajaan menjelang 2015. Sementara itu, negara terus mencapai kejayaan demi kejayaan dalam bidang keupayaan telekomunikasi. Dalam tahun 2013, kerajaan berhasrat memberi perkhidmatan percuma kepada golongan kurang berkemampuan di bandar dan juga di luar bandar. Inilah hadiah perkhidmatan kasih sayang Perdana Menteri Dato' Sri Najib kepada rakyat Malaysia.



PUSAT INTERNET RAKYAT, PUSAT MINI KOMUNITI JALUR LEBAR DAN 1 JUTA 'NOTEBOOK'

Melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), pelbagai inisiatif yang dicetuskan Rais berjaya mengurangkan jurang digital antara penduduk bandar dan luar bandar. Pelan Jalur Lebar Negara (NBI) adalah strategi yang dapat mengembangkan penggunaan jalur lebar ke seluruh Negara. Sejak tahun 2007 lagi, kerajaan Malaysia telah menetapkan sasaran 50 peratus kadar penembusan jalur lebar bagi setiap isi rumah menjelang penghujung tahun 2010. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, lima inisiatif telah diperkenalkan pada 24 Mac 2010 iaitu Pusat Internet Rakyat dan Pusat Mini Komuniti Jalur Lebar; 1 juta *Notebook* untuk diedarkan kepada pelajar dari keluarga miskin di seluruh negara; menubuhkan E-Kiosks; Pusat Jalur Lebar Komuniti ke rumah; dan peluasan liputan selular.

Usaha yang dijalankan oleh kerajaan di bawah pentadbiran Najib dapat dilihat menerusi perkembangan sektor telekomunikasi negara. Antaranya, sektor telekomunikasi negara telah mencapai tahap yang tinggi bagi suku pertama 2012 iaitu sebanyak 127.7 peratus bagi kadar penembusan telefon mudah alih, 63.3 peratus bagi kadar penembusan jalur lebar isi rumah, 36.7 juta jumlah langganan telefon mudah alih, 10.3 juta langganan 3G, 5.6 juta langganan jalur lebar dan tiga juta bagi langganan jalur lebar mudah alih serta capaian kepada televisyen dan radio mencecah hampir 100 peratus di setiap rumah di negara ini.

MEMULIHARA ALAM SEKITAR

DASAR TEKNOLOGI HIJAU NEGARA (DTHN)

Najib menerusi Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN) pada 28 Julai 2009 dengan matlamat mengurangkan kadar peningkatan penggunaan tenaga dalam masa yang sama meningkatkan pembangunan ekonomi; membantu pertumbuhan dalam industri Teknologi Hijau dan meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara; meningkatkan keupayaan bagi inovasi dalam pembangunan Teknologi Hijau dan meningkatkan daya saing dalam Teknologi Hijau di persada antarabangsa; memastikan pembangunan mapan dan memulihara alam sekitar untuk generasi akan datang; dan meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap Teknologi Hijau dan menggalakkan penggunaan meluas Teknologi Hijau. Antara program yang dijalankan untuk membudayakan teknologi hijau dalam masyarakat ialah menerusi program Karnival 1Hijau 1Komuniti.



Bagi menggalakkan kreativiti, inovasi dan teknologi moden yang melibatkan pereka bentuk tempatan, **Najib memberikan galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% selama lima tahun kepada sektor perkhidmatan reka bentuk industri.**



SAINS TEKNOLOGI PEMACU INOVASI

PUSAT INOVASI NEGARA (MyNIC) DAN PUSAT KECEMERLANGAN INOVASI (i-CoE)

Tanggungjawab besar yang dipikul kementerian ini untuk membudayakan inovasi dan kreativiti nampaknya tidak mengecewakan. Tindakan awal yang diambil oleh MOSTI untuk menyerapkan inovasi sebagai satu amalan di kalangan rakyat ialah dengan menubuhkan Pusat Inovasi Negara (MyNIC) dan Pusat Kecemerlangan Inovasi (i-CoE). Pengumuman penubuhannya telah dibuat oleh Najib pada 29 Oktober 2009. Dua pusat ini berperanan untuk menggalakkan inovasi dan pemangkin kepada usaha-usaha menambah ciptaan baru yang boleh dikomersialkan.

Pada 27 Januari 2010, MOSTI telah melancarkan inisiatif Malaysia Inovatif 2010 yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib. Inisiatif ini bertujuan memberi suntikan inovasi dan kreativiti ke dalam masyarakat melalui pembangunan ekosistem yang mampu merangsang perubahan ke arah itu.

Bagi menggalakkan kreativiti, inovasi dan teknologi moden yang melibatkan pereka bentuk tempatan, Najib memberikan galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% selama lima tahun kepada sektor perkhidmatan reka bentuk industri.

GENOVASI

Genovasi (Generasi dan Inovasi) telah dilancarkan pada 1 Ogos 2012 di Putrajaya dan merupakan satu lagi inisiatif baru kerajaan bagi membangunkan kemahiran inovasi di kalangan belia tempatan yang membolehkan mereka mencipta kekayaan serta memperbaiki taraf hidup. Genovasi memperlihatkan usaha kerajaan membangunkan belia menjadi Duta Inovasi Negara yang memainkan peranan aktif dalam mempertingkatkan dan memperbaiki kedudukan ekonomi negara.

BELIA BERWAWASAN TUNJANG NEGARA

MY BEAUTIFUL MALAYSIA

Pada 3 Februari 2013, menerusi program *My Beautiful Malaysia*, rakyat negara ini daripada pelbagai kaum dan agama mempamerkan jati diri dan bersatu hati demi kebaikan dan kesejahteraan negara. Program yang berlangsung serentak di 390 lokasi di seluruh negara dianjurkan oleh 1M4U dan menyasarkan golongan belia dalam aktiviti kesukarelawan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah menanam pokok, membersihkan kawasan, mengikis iklan haram, mencantas pokok dan mengecat bendul jalan.

Program *My Beautiful Malaysia* adalah sejajar dengan Tahun Kesukarelawan Nasional 2013 yang diilhamkan dari Program Kejiranan Indah di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan mulai Julai 2012. Sehubungan itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Hung bercadang agar 3 Februari diiktiraf sebagai Hari Kesukarelawan demi menyemarakkan semangat gotong-royong dalam kalangan masyarakat Malaysia. Beliau menyuarakan pandangan tersebut semasa merasmikan *My Beautiful Malaysia* peringkat negeri Kedah di Taman Rekreasi Gunung Kerian, Alor Setar yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak. Ternyata program seumpama ini mampu menyatukan pemimpin pelbagai ideologi politik dalam aktiviti kesukarelawan.



Menerusi program *My Beautiful Malaysia*, rakyat negara ini daripada pelbagai kaum dan agama mempamerkan jati diri dan bersatu hati demi kebaikan dan kesejahteraan negara.

Program yang berlangsung serentak di 390 lokasi di seluruh negara dianjurkan 1M4U dan menyasarkan golongan belia dalam aktiviti kesukarelawan.



Dengan dana permulaan sejumlah RM130 juta, dana Dre1M disediakan untuk individu-individu yang layak, organisasi-organisasi yang bukan membuat keuntungan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga badan-badan beruniform.

1MALAYSIA FOR YOUTH (1M4U)

Najib berhasrat menggerakkan satu gelombang untuk golongan muda secara besar-besaran melalui platform *1Malaysia For Youth* (1M4U) bagi mencetus kejayaan lebih gemilang menerusi idea serta sumbangan golongan belia. 1M4U telah ditubuhkan dengan fokus utamanya untuk menanam semangat sukarelawan di samping membantu mereka yang memerlukan berlandaskan misi memupuk tanggungjawab sosial dalam kalangan belia Malaysia. Matlamat utamanya adalah untuk mendidik semangat sukarelawan belia di samping menyalurkan dana kecil-kecilan kepada aktiviti-aktiviti sukarela belia menerusi Dana Dre1M.

DANA SUKARELAWAN 1MALAYSIA (DRE1M) DAN STESEN RADIO 1M4U

Dana Sukarelawan 1Malaysia (Dre1M) menyediakan sokongan berbentuk bantuan kewangan bagi golongan belia menjalankan aktiviti-aktiviti ke arah membantu komuniti-komuniti sasaran serta organisasi dan kumpulan-kumpulan sosial lain. Dengan dana permulaan sejumlah RM130 juta, dana Dre1M disediakan untuk individu-individu yang layak, organisasi-organisasi yang bukan membuat keuntungan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) juga badan-badan beruniform. Sebuah stesen radio 1M4U juga akan diwujudkan berteraskan minat serta cita rasa anak muda untuk membolehkan mereka mengetengahkan bakat masing-masing sekali gus menyemarakkan lagi usaha menggerakkan gelombang tersebut.

Idea penubuhannya yang dicetuskan sendiri oleh Najib adalah berdasarkan kenyataan beliau yang berbunyi. "Masa depan negara kita ditentukan oleh belia, kalau belia cinta keamanan, aman negara kita, kalau suka membela, maka masyarakat kita akan terbela". Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program 1M4U di Taman Esplanade KLCC pada 15 Julai 2012.

1MALAYSIA FOR YOUTH (1M4U) OUTREACH CENTRE

Semangat sukarelawan perlu ditanamkan dalam kalangan golongan muda. Sehubungan dengan itu pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) juga perlu didedahkan dalam landskap sukarelawan negara. Sehubungan dengan itu telah ditubuhkan *1Malaysia For Youth* (1M4U) Outreach Centre.

Kementerian Pengajian Tinggi menyasarkan 600 program kesukarelaan membabitkan penuntut IPT dapat dilaksanakan menjelang Julai 2013. Sehubungan dengan itu, adalah dipelawa pihak swasta, badan korporat dan syarikat milik kerajaan (GLC) untuk berganding bahu bersama *1M4U Outreach Centre* dalam melaksanakan program khidmat sosial masing-masing. Dengan kekuatan enrolmen penuntut kini mencecah 1.1 juta orang, kerjasama yang bakal wujud mampu memberikan dimensi baharu dalam landskap kesukarelaan negara.

PROGRAM HARI BELIA NEGARA

Bagi menterjemahkan sokongan golongan belia dengan impak yang lebih besar, Najib melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menganjurkan sambutan Program Hari Belia Negara pada 15 Mei bermula tahun 2010 dengan bertemakan Belia Kreatif Pemacu Negara. Dengan komitmen jitu serta sokongan pelbagai pihak, pada tahun 2011 KBS telah menganjurkan Hari Belia Negara berskala besar dengan menasaskan penyertaan sejuta belia. Himpunan Jutaan Belia 2012 (23 – 27 Mei) pula telah mencatatkan satu lagi sejarah apabila Menteri Belia dan Sukan mengumumkan acara tersebut telah berjaya mengumpulkan kehadiran sebanyak 2,480,502 berbanding sasaran awalnya 2 juta.



Dalam Bajet 2011, Najib terus menggalakkan pembangunan dan penyelidikan sukan dengan memperuntukkan sebanyak **RM365 juta** kepada Kementerian Belia dan Sukan.

PROGRAM PEWARIS MUDA NEGARA

Satu lagi program yang diperkenalkan oleh pentadbiran Najib bagi memperkasakan golongan muda ialah Program Pewaris Muda Negara. Program yang dirasmikan oleh Najib pada tahun 2009, merupakan salah satu pengisian bagi Program Penjanaan Minda Rakyat (PMR). Ia bertujuan membentuk pewaris muda negara yang mampu menjadi modal insan cemerlang sebagai landasan untuk menjayakan segala program pembangunan yang dirancang oleh kerajaan. Sokongan dan perhatian beliau terhadap keperluan belia di negara ini diteruskan melalui pemberian bantuan kewangan kepada golongan belia iaitu Dana Belia 1Malaysia. Dana berjumlah RM20 juta ini disumbangkan oleh 1MDB bagi pembangunan belia negara dan memupuk semangat 1Malaysia.

FORUM TINDAKAN BELIA

Najib turut menyediakan lebih banyak ruang untuk golongan belia berinteraksi dengan pihak berkuasa bagi memudahkan kerajaan lebih memahami keperluan dan kehendak mereka. Justeru, Najib telah mewujudkan Forum Tindakan Belia yang pertama kali diadakan pada 31 Mei 2011.

AKADEMI BOLA SEPAK

Bagi memajukan sukan bola sepak, Najib menubuhkan Akademi Bola Sepak di Pahang, dengan peruntukan RM20 juta bagi melahirkan pemain bola sepak yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Ganjaran turut diberikan kepada pemain bola sepak kebangsaan negara apabila mereka menjuarai Piala Suzuki AFF pada 29 Disember 2010. Bagi Najib, ganjaran itu bukan sahaja sebagai satu penghargaan kerajaan atas kejayaan mereka malah kemenangan mereka menjadikan jutaan peminat bersatu untuk menyokong pasukan negara. Jelas Najib, semangat itulah merupakan model terbaik kepada perpaduan pelbagai kaum di Malaysia

SKIM HADIAH KEMENANGAN SUKAN (SHAKAM)

Dalam aspek pembangunan sukan negara, Najib amat menghargai kejayaan dan kecemerlangan para atlet negara yang berjaya mengharumkan nama Malaysia di persada sukan antarabangsa. Najib turut mengiktiraf kesungguhan mereka dengan pemberian insentif khas. Kenangan manis dilakar buat para atlet Sukan SEA 2011, apabila Najib berbesar hati memberikan ganjaran istimewa kepada mereka. Beliau telah mengumumkan kenaikan insentif bagi bayaran Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) di Majlis Meraikan Kejayaan Kontinjen Sukan SEA Indonesia 2011. Beliau berharap insentif sebegini akan dapat menjadi pendorong untuk setiap atlet mempertingkatkan usaha mereka mencapai prestasi lebih tinggi.

Kejayaan membawa pulang pingat perak Sukan Olimpik 2012, melayakkan Datuk Lee Chong Wei menerima Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) berjumlah RM300,000. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pula menyediakan insentif berserta pencen RM3,000 sebulan. Pandelega Rinong yang memenangi pingat gangsa menerusi acara terjun 10 meter platform pula menerima imbuhan sebanyak RM100,000 disamping pencen bernilai RM2000 sebulan.



MEMPERKASA MODAL INSAN



HARI MALAYSIA

Jika sebelum ini, rakyat Malaysia hanya bercuti untuk meraikan Hari Kemerdekaan Negara, pada 16 September 2010, Perdana Menteri mengumumkan cuti umum bagi sambutan Hari Malaysia dan ini menggembirakan rakyat seluruh negara, terutamanya penduduk Sabah dan Sarawak. Hari Malaysia disambut pada 16 September bagi memperingati penubuhan Persekutuan Malaysia, iaitu menandakan penyertaan Tanah Melayu, Borneo Utara (kini Sabah), Sarawak dan Singapura.

SKIM LATIHAN 1MALAYSIA (SL1M)

Menyedari negara memerlukan modal insan yang sentiasa menambah ilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran dan mempelajari kemahiran baru (upskilling and reskilling), Najib telah melancarkan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) pada 1 Jun 2011. Skim ini bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Permohonan SL1M terbuka kepada semua graduan ijazah pertama daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 2.5. Sehingga 30 September 2012 seramai 37,096 orang siswazah dan 113,475 orang bukan siswazah telah mengikuti SL1M.

Najib telah melancarkan Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) pada 1 Jun 2011. Skim ini bertujuan membantu para siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Permohonan SL1M terbuka kepada semua graduan ijazah pertama daripada institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara yang mencapai Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 2.5. Sehingga 30 September 2012 seramai 37,096 orang siswazah dan 113,475 orang bukan siswazah telah mengikuti SL1M.





TALENT CORPORATION (TC)

Kebelakangan ini, golongan belia dilihat gemar bermigrasi ke negara luar untuk bekerja (Brain Drain). Perkara ini merugikan negara kerana kekurangan modal insan berkemahiran yang diperlukan negara untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi. Hal ini, memperkukuhkan tekad Najib untuk melancarkan Talent Corporation (TC) pada 24 April 2012. TC turut menggabungkan Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Bekerja Pulang Ke Malaysia (REP) dan Program Brain Gain bagi memastikan penyelarasan yang baik dan memberi impak yang lebih besar

KADAR GAJI MINIMUM SEKTOR SWASTA

Malaysia juga berusaha membangunkan modal insan menerusi usaha mengemas kini undang-undang. Sejumlah empat Akta akan dikaji dan dipinda secara meluas bagi diserasikan dengan keperluan semasa pelbagai pihak yang terlibat. Malaysia juga telah mengumumkan pelaksanaan kadar gaji minimum sektor swasta pada 30 April 2012. Kadar yang ditetapkan ialah RM900 untuk Semenanjung dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Labuan.

Peningkatan kemahiran tenaga pekerja adalah penting bagi membangun modal insan bagi ekonomi berpendapatan tinggi. Sehubungan itu, Talent Corporation akan membantu membangunkan program yang terperinci bagi bidang-bidang yang berkaitan. Ini termasuk beberapa langkah bagi menjamin keselamatan tenaga pekerja untuk menggalakkan mereka lebih banyak bergerak dan berkecimpung dalam hal-hal perniagaan dan program latihan.

PENUBUHAN SKIM PERSARAAN SWASTA (PRS)

Bagi memastikan setiap orang dewasa produktif yang masih muda dan generasi Malaysia akan datang mempunyai tabungan dan simpanan persaraan mereka, Najib telah melancarkan Skim Persaraan Swasta (PRS). Inisiatif yang bermula September 2012, memberi peluang kepada golongan pekerja dan mereka yang bekerja sendiri membuat simpanan persaraan secara sukarela. Mengumumkan berita gembira itu, Perdana Menteri berkata, sebagai insentif penyertaan dalam PRS, individu diberikan pelepasan cukai sehingga RM3,000 manakala majikan pula diberikan potongan cukai ke atas caruman yang dibuat bagi pihak pekerja mereka di atas pada kadar yang diwajibkan dan sehingga 19 peratus gaji pekerja.

PEMBERIAN BONUS SEBULAN SETENGAH

Sebagai menghargai jasa dan komitmen para penjawat awam dalam melaksanakan tugas, buat pertama kalinya sepanjang tiga tahun pentadbiran Najib, beliau mengumumkan pemberian bonus sebulan setengah kepada penjawat awam. Bayaran yang dibuat sebanyak tiga kali ini meringankan beban penjawat awam menyambut perayaan Aidilfitri dan persediaan persekolahan anak-anak.





MENYELARASKAN PENCEN

Najib juga tidak meminggirkan golongan pesara. Beliau telah menyelaraskan pencen daripada RM720 kepada RM820 mulai 1 Januari 2013. Penyelarasan ini memberi faedah kepada pencen pesara yang berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun termasuk menerima pencen terbitan. Pelarasan untuk 50,371 pesara tersebut melibatkan RM60 juta setahun.

INSENTIF KHAS TENTERA

Bagi mengiktiraf pengorbanan anggota tentera, Najib turut menyediakan insentif khas kepada mereka. Seramai 125,708 orang pegawai dan anggota biasa Angkatan Tentera Malaysia mendapat insentif khas sebanyak RM200 sebulan mulai 1 Januari 2013 dengan peruntukan sebanyak RM301 juta. Manakala, elaun khidmat bertugas dinaikkan kepada RM6 sejam bagi anggota biasa manakala RM7.80 bagi pegawai. Usaha ini memanfaatkan 65 ribu orang anggota simpanan angkatan tentera, Askar Wataniah serta Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut dan Udara seluruh negara. Tidak ketinggalan, Najib mengumumkan kenaikan pangkat secara *time-based* untuk ATM dalam tempoh lapan tahun dengan memenuhi syarat dan prestasi yang memuaskan. Ia memberi faedah kepada 78,123 anggota.

Sementara itu peranan bekas tentera tetap dihargai, sumbangan sebanyak RM1 ribu secara *one-off* diberi kepada 221,000 bekas tentera yang tidak berpencen dan berkhidmat kurang 21 tahun. Selain itu, seramai 242,000 anggota tentera dan polis menikmati skim perlin dengan insurans berkelompok sebanyak RM15,000.

SMALL OFFICE HOME OFFICE

Bagi mencapai sasaran melahirkan 4000 usahawan wanita menjelang 2012, Najib berusaha untuk meningkatkan kerjasama antara Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan institusi lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Najib juga mengambil inisiatif meningkatkan penyertaan lebih ramai wanita sebagai pekerja separuh masa. Dalam pembentangan Bajet 2011, Najib telah menguatkuasakan peraturan kerja separuh masa wanita, terutamanya mereka yang telah berumah tangga. Bukan itu sahaja, kerajaan di bawah pimpinan Najib juga turut melaksanakan program perintis *Small Office Home Office* untuk wanita kurang upaya selama tiga bulan bagi melatih mereka dalam pelbagai bidang kemahiran.

CUTI BERSALIN BERGAJI PENUH

Najib juga prihatin dengan kebajikan para penjawat awam wanita. Justeru, bagi menambah baik kemudahan cuti bersalin, kerajaan memberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh cuti bersalin bergaji penuh tidak melebihi 90 hari dengan kelayakan keseluruhan bilangan cuti bersalin sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

RAWATAN PERUBATAN SECARA PERCUMA KEPADA PESARA

Keprihatinan Najib terhadap penjawat awam tidak berbelah bahagi. Ini terbukti dengan beberapa penambahbaikan terhadap skim perkhidmatan dan keistimewaan buat penjawat awam sebagai dorongan agar semangat untuk bekerja dengan lebih tekun. Antara yang diumumkan Najib ketika MAPPa ke-12 ialah kemudahan rawatan perubatan secara percuma kepada pesara anggota perkhidmatan awam di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara wajib dalam Kerajaan Persekutuan, Negeri atau Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

Najib turut mengumumkan had umur bersara wajib dinaikkan daripada 55 ke 60 tahun kerana mereka masih boleh memberi sumbangan berdasarkan kemahiran dan pengalaman yang ada.

Perdana Menteri yakin, langkah ini bakal mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam dan pelanjutan ini tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada generasi muda kerana sektor awam dan swasta akan terus mewujudkan peluang pekerjaan baru.

HAD UMUR BERSARA WAJIB 58 TAHUN KEPADA 60 TAHUN

Najib turut mengumumkan had umur bersara wajib dinaikkan daripada 58 ke 60 tahun kerana mereka masih boleh memberi sumbangan berdasarkan kemahiran dan pengalaman yang ada. Perdana Menteri yakin langkah ini bakal mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam dan pelanjutan ini tidak akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada generasi muda kerana sektor awam dan swasta akan terus mewujudkan peluang pekerjaan baru.

KENAIKAN GAJI

Walaupun beliau menganggap penjawat awam sebagai rakan penting dalam membangunkan negara, namun beliau bersikap praktikal dalam memenuhi tuntutan mereka termasuk dalam hal kenaikan gaji. Najib mengumumkan mulai tahun 2012, kenaikan gaji tahunan penjawat awam ditingkatkan antara RM80 hingga RM320 berdasarkan gred. Dengan itu kenaikan gaji antara 7 hingga 13 peratus turut dilaksanakan pada Januari 2012.



ELAUN BULANAN IMAM DAN GURU KAFA

Pada pembentangan Bajet 2011, Najib telah mengumumkan kenaikan elaun bulanan Imam dan guru KAFA sebanyak RM300 berkuat kuasa Januari 2011. Berita gembira ini telah memberi manfaat yang amat bermakna kepada 13,324 imam dan 32,764 guru KAFA di seluruh negara.

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI KANAN POLIS DAN PEGAWAI RENDAH POLIS SERTA KONSTABEL

Bagi meningkatkan integriti dan motivasi anggota polis, Najib telah melaksanakan perubahan terhadap skim perkhidmatan Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Rendah Polis serta Konstabel yang melibatkan hampir 99,000 orang anggota.

Peruntukan khas sebanyak RM200 juta pada tahun 2011 dan RM442 juta pada tahun 2012 untuk perbelanjaan pembangunan PDRM. Antara projek yang akan dilaksanakan merangkumi projek perumahan anggota polis, penambahbaikan ibu pejabat, balai dan pusat latihan. Najib turut memperuntukkan RM500 juta pada Bajet 2012 untuk program *Army Care* bagi menaik taraf dan menyelenggarakan kem serta kuarters tentera di seluruh negara.

Manakala 175 ribu orang anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan setelah berkhidmat kurang daripada 21 tahun dan tidak menerima pencen disediakan bantuan tunai RM1,000 secara 'one-off' dan program latihan khusus untuk mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan.

SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI

Selain melaksanakan penambahbaikan terhadap skim perkhidmatan polis, kerajaan pimpinan Najib juga tidak mengabaikan beberapa skim perkhidmatan lain dalam memastikan kejayaan Program Transformasi Kerajaan. Ini termasuk skim perkhidmatan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi di Kementerian Kesihatan secara komprehensif dari gred lantikan hingga Gred 54 dengan peluang kenaikan pangkat dalam tempoh yang lebih wajar. Kerajaan turut memperkenalkan Elaun Khas Waktu Bekerja Fleksi sebanyak RM600 sebulan dan menaikkan elaun *on-call* semalaman antara RM30 hingga RM80 ringgit berkuat kuasa 1 September 2011. Usaha Najib bagi memperkasa perkhidmatan awam bukan sahaja dilihat sebagai pengiktirafan kepada penjawat awam tetapi turut mempamerkan kesungguhan beliau melaksanakan satu transformasi terhadap set minda penjawat awam agar mereka lebih dihormati oleh orang ramai dalam memajukan negara.



PUSAT PANGGILAN 1MALAYSIA (1MOCC)

Mendepani dunia tanpa sempadan pada masa kini, penjawat awam perlu seiring dengan kepesatan pembangunan ICT yang terkini. Sehubungan itu, kerajaan di bawah pimpinan Najib telah memperkenalkan satu lagi inovasi baharu dalam perkhidmatan awam melalui pelaksanaan Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) bertujuan memudahkan komunikasi orang awam dengan agensi kerajaan. Pelancarannya telah disempurnakan oleh Najib pada 12 November 2012. 1MOCC membolehkan orang awam mengemukakan pertanyaan, aduan atau cadangan kepada pelbagai agensi kerajaan menggunakan nombor rujukan tunggal 03 8000 8000. Dengan ini orang awam tidak lagi perlu mengingati atau mendapatkan pelbagai maklumat perhubungan setiap kali ingin berurusan dengan agensi kerajaan yang berlainan.

SUMBANGAN KEPADA DUNIA

Sebagai Ketua Kerajaan, Najib sentiasa memelihara hubungan baik dengan pemimpin negara lain bagi memastikan Malaysia tidak dipencilkan oleh masyarakat sejagat dalam segenap bidang. Ini dapat dilihat melalui sambutan yang beliau terima semasa melakukan kunjungan rasmi ke luar negara dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala dengan negara luar.

PERGERAKAN KESEDERHANAAN GLOBAL (GMM)

Salah satu tindakan berani beliau ialah mengilhamkan Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM) pada 2010 dengan matlamat membawa dunia ke arah kesederhanaan bagi kepentingan sejagat. Beliau ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-65, di New York menyarankan pemimpin dunia supaya menolak sebarang bentuk ekstremis, sebaliknya menjadikan kesederhanaan dalam setiap tindakan yang kemudian mendapat reaksi positif daripada pemimpin dunia.

MALAYSIA - ASEAN

Selain Indonesia dan Thailand, beliau juga mengukuhkan hubungan dua hala dengan Brunei dan Singapura. Pertemuan Najib dengan rakan sejawatannya, Encik Lee Hsien Loong ke Singapura pada 2009, telah berjaya menyelesaikan beberapa isu yang menjadi pertikaian antara kedua-dua negara dan mempelawa pelabur Singapura mengambil bahagian di koridor pembangunan Malaysia. Begitu juga pertemuan Najib dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah yang mengeratkan lagi ikatan persahabatan antara kedua-dua negara yang sememangnya kukuh sejak dulu lagi.

Sebagai Ketua Kerajaan, Najib sentiasa memelihara hubungan baik dengan pemimpin negara lain bagi memastikan Malaysia tidak dipencilkan oleh masyarakat sejagat dalam segenap bidang. Ini dapat dilihat melalui sambutan yang beliau terima semasa melakukan kunjungan rasmi ke luar negara dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala dengan negara luar.





MALAYSIA - CHINA

Lawatan Najib ke Beijing, China pada awal Jun 2009, merupakan lawatan pertama beliau di luar Asia Tenggara selepas mengambil alih teraju pentadbiran negara daripada Tun Abdullah Ahmad Badawi. Najib mengadakan lawatan ke China serta perjumpaan dengan Presiden Hu Jintao merupakan pertemuan bagi mengukuhkan jalinan persahabatan kedua-dua negara selain membincangkan kerjasama membangunkan Taman Perindustrian Qinzhou (QIP) China-Malaysia seluas 55 kilometer persegi. Dalam kunjungan itu, beliau turut meninjau peluang-peluang perniagaan dan mengadakan perjumpaan dengan pelabur China untuk membuat pelaburan di Malaysia. China merupakan rakan perdagangan terbesar di Malaysia dan Malaysia pula ialah rakan perdagangan terbesar China di kalangan negara anggota ASEAN dan menjadi destinasi utama pelancong China.



Hubungan Malaysia-Amerika mencatat lembaran baru berikutan perubahan kepimpinan kedua-dua negara. Presiden Barack Obama telah mengiktiraf peranan Malaysia dalam menangani isu-isu antarabangsa di samping menghargai peranan negara ini dalam ASEAN.

MALAYSIA - AMERIKA

Hubungan Malaysia-Amerika mencatat lembaran baru berikutan perubahan kepimpinan kedua-dua negara. Presiden Barack Obama telah mengiktiraf peranan Malaysia dalam menangani isu-isu antarabangsa di samping menghargai peranan negara ini dalam ASEAN.

MALAYSIA PENGANTARA PERUNDINGAN DAMAI KERAJAAN FILIPINA DAN MILF

Negara telah melakar sejarah di mana Malaysia memainkan peranan utama dalam menjayakan perjanjian damai bagi menamatkan konflik yang telah mengorbankan lebih 150,000 nyawa sejak empat dekad yang lalu di antara Kerajaan Filipina dengan Barisan Pembebasan Islam Moro (M-I-L-F). Malaysia memainkan peranan utama ke arah perdamaian itu dengan menjadi tuan rumah dan orang tengah sepanjang proses rundingan damai tersebut berlangsung di Kuala Lumpur dalam rundingan dari 2 hingga 7 Oktober 2012. Kesungguhan Malaysia dan 'personal touch' Najib bagi menjayakan rundingan damai antara Filipina dan Bangsa Moro memberikan kesan positif kepada negara apabila negara luar memuji kepimpinan Najib dan menyatakan kesudian mereka untuk bekerjasama dengan Malaysia.





PERJANJIAN PENGUATKUASAAN LAWATAN

Malaysia telah memeterai Perjanjian Penguatkuasaan Lawatan dengan Manila di Istana Presiden, Manila, Filipina. Ia menjadikan Malaysia negara kedua yang memeterai perjanjian berkenaan dengan negara terbabit selepas Amerika Syarikat. Melaluinya, Angkatan Tentera Malaysia dan askar Filipina akan mengembangkan kerjasama yang telah sedia terjalin. Pada masa sama, kerjasama dalam bidang ekonomi turut dikembangkan. Susulan rangka kerja perjanjian damai itu, masalah pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dijangka dapat dikurangkan secara berperingkat. Melaluinya, usaha pembangunan sosio ekonomi Wilayah Selatan negara berkenaan dapat dimulakan. Perjanjian itu menurut Najib, membolehkan kedua-dua belah pihak merintis jalan ke arah pembangunan yang lebih sistematik ke atas wilayah yang akan diberikan kuasa autonomi mulai sekarang sehingga ia dilaksanakan sepenuhnya menjelang 2016.

MALAYSIA – PALESTIN

Malaysia sentiasa mendapat tempat di hati para pemimpin dunia untuk mendapatkan bantuan kemanusiaan antarabangsa ekoran kepimpinan negara yang prihatin terhadap isu ini. Kerajaan di bawah pimpinan Najib turut memainkan peranannya dalam memastikan bantuan diberikan kepada negara-negara luar yang memerlukannya.

MALAYSIA - JEPUN

Malaysia telah menyalurkan bantuan kepada rakyat Jepun yang menjadi mangsa bencana gempa bumi dan tsunami, baru-baru ini. Bantuan tersebut adalah tanda persahabatan akrab dan penghargaan terhadap hubungan dua hala Malaysia-Jepun yang banyak membantu pembangunan ekonomi negara selama ini. Seramai 50 sukarelawan termasuk tujuh paramedik dan dua kakitangan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) serta wakil media berlepas ke Jepun menaiki pesawat Airbus 330 yang ditaja syarikat penerbangan murah, AirAsia. Misi kemanusiaan itu juga adalah manifestasi keikhlasan dan kesanggupan penduduk negara ini membantu rakyat Jepun yang menghadapi kesengsaraan akibat bencana gempa bumi.

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)



Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* merupakan satu pendekatan yang diilhamkan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bagi melaksanakan Dasar Transformasi Negara (DTN) secara berkesan. Ia berkait rapat dengan penggunaan strategi dalam beberapa program inovatif kerajaan. Sebenarnya, Najib telah menemui formula yang terkandung dalam strategi perniagaan iaitu teori bermanfaat dalam memaksimumkan pengeluaran dengan menanggung kos serendah mungkin. NBOS juga disifatkan sebagai alat pengurusan yang boleh diaplikasikan dalam konteks pentadbiran kerajaan kerana ia merangsang kita berfikir di luar kotak untuk mendapatkan satu keputusan yang sempurna. Setakat ini terdapat lapan NBOS yang telah dipraktikkan oleh kerajaan dalam melaksanakan program-program transformasi Perdana Menteri.

Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) merupakan satu pendekatan yang diilhamkan oleh Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak bagi melaksanakan Dasar Transformasi Negara secara berkesan. Ia berkait rapat dengan penggunaan strategi dalam beberapa program inovatif kerajaan.



Di bawah NBOS 1 juga sebahagian daripada langkah mengurangkan kadar jenayah seperti rondaan, teknologi inovatif dan moden seperti pemasangan CCTV turut diperingkatkan penggunaannya terutama di kawasan-kawasan berisiko tinggi.



NBOS 1

NBOS 1 diperkenalkan pada November 2009 dengan matlamat penjawat awam mengambil alih tugas di kaunter pentadbiran supaya anggota polis kembali kepada tugas rondaan. Langkah ini membolehkan lebih ramai anggota polis menjalankan rondaan jalan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di seluruh negara terjamin. Di bawah NBOS1 juga sebahagian daripada langkah mengurangkan kadar jenayah seperti rondaan, teknologi inovatif dan moden seperti pemasangan CCTV turut diperingkatkan penggunaannya terutama di kawasan-kawasan berisiko tinggi.

NBOS 2

NBOS 2 yang diperkenalkan pada Mei 2010 melibatkan kolaborasi antara pihak polis dan tentera untuk memerangi jenayah. Kolaborasi ini dianggap penting oleh Kerajaan Malaysia dalam usaha mengekalkan keamanan dan menjadikan Malaysia kekal sebagai negara paling selamat dan aman di Asia Tenggara, keempat paling selamat di Asia Pasifik dan ke-19 paling selamat di dunia. Terdapat lima program yang dijalankan di bawah NBOS 2 iaitu :-

- Kolaborasi PDRM-ATM
- Program Pemulihan Pemasarakatan (PPP)
- Program Omnipresence dengan unit rondaan bermotorsikal dan pemasangan CCTV
- PDRM Merekrut bekas tentera bagi menambah anggota keselamatan
- Rondaan bersama oleh tentera, RELA dan JPAM dengan dikawal selia oleh PDRM



NBOS 3 juga dapat mengurangkan kos pembinaan jalan luar bandar di Sarawak kepada RM50 juta dengan menggunakan kepakaran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berbanding RM250 juta jika pembinaannya dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya.



NBOS 3

Pada November 2010, Kerajaan Malaysia meneruskan agenda menggunakan tenaga ATM untuk mempercepatkan pembangunan luar bandar dalam NBOS 3. Terdapat tiga program yang berlangsung di bawah NBOS 3 iaitu :-

- Bantuan tenaga daripada ATM untuk membina rumah dan jalan raya di kawasan luar bandar melalui Projek Jiwa Murni.
- Bekalan air bersih dan bekalan elektrik kepada penduduk pedalaman.
- Projek pertanian bernilai tinggi – penanaman tembikai madu atau rock melon di tanah milik ATM

NBOS3 juga dapat mengurangkan kos pembinaan jalan luar bandar di Sarawak kepada RM50 juta dengan menggunakan kepakaran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berbanding RM250 juta jika pembinaannya dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya.

NBOS 4

Melalui NBOS 4 pula Najib berhasrat untuk memastikan rakyat luar bandar memperoleh pendapatan yang tinggi dan dalam masa yang sama mudah mendapat pelbagai perkhidmatan dalam satu kawasan. NBOS ini telah diperkenalkan pada Mei 2011. Setakat ini tiga buah RTC telah dibangunkan iaitu RTC Gopeng Perak, RTC Wakaf Che Yeh Kelantan, Dan RTC Linggi Malaka. RTC yang merupakan satu program bersepadu yang mengandungi lapan inisiatif bagi membangunkan kawasan luar bandar iaitu :-

- Latihan Kemahiran kepada Penduduk Luar Bandar
- Penubuhan Kios Informasi 1Malaysia
- Pertanian Bernilai Tinggi
- Pemprosesan Produk Agro Makanan
- Pengurusan Rantaian Bekalan Hasil Makanan
- Kerjasama Universiti
- Perkhidmatan Keselamatan Makanan dan Farmaseutikal
- Kemudahan Pembiayaan Kewangan kepada Penduduk Luar Bandar





NBOS 5

NBOS 5 yang diperkenalkan pada November 2011 lebih menyeluruh sifatnya kerana merangkumkan agenda memperkasa masyarakat luar bandar dan pada masa yang sama memperkasa golongan belia dan pelajar. Antara program yang dijalankan di bawah NBOS 5 ialah :-

- Memperkembang RTC ke seluruh negara, mewujudkan mini RTC dan RTC bergerak.
- Melahirkan Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) yang mampu bergerak sebagai agen transformasi luar bandar
- Mewujudkan sukarelawan IM4U daripada semua kaum
- Program Duta Universiti atau Universiti Ambassadors Programmes (UAP)

NBOS 6

Setelah tumpuan diberikan kepada memperkasa penduduk luar bandar dalam NOBS 4 dan 5, pada April 2012, Najib mengorak langkah pula untuk agenda lain dengan membantu penduduk bandar, memperkukuh sistem kekeluargaan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat. Program yang dijalankan melalui strategi ini ialah :-

- Mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC)
- Program 1Malaysia Utamakan Keluarga – 1Malaysia Family First
- 1Malaysia Privilege Card
- Program kemah iran dan kebolehpasaran 1Malaysia

NBOS 7

Dua bulan selepas memperkenalkan NBOS 6, Najib memperkenalkan NBOS 7 dengan memberi tumpuan kepada elemen yang dilihat sudah semakin terhakis dalam masyarakat hari ini iaitu semangat kejiwaan. Di samping itu, Najib tidak melupakan golongan warga tua dan juga institusi kekeluargaan yang turut membantu dalam usaha pembangunan negara. Program yang dijalankan di bawah strategi ini ialah :-

- Kejiwaan Indah atau My Beautiful Neighbourhood (MyBN)
- Penjagaan Keluarga 1Malaysia
- Program Pengiktirafan Veteran 1Malaysia

NBOS 8

Tahun 2012 menyaksikan Najib bekerja keras untuk rakyat dengan memperkenalkan NBOS ketiga tahun 2012 iaitu NBOS 8 pada November 2012. Strategi kali ini lebih menyeluruh sifatnya dan ada beberapa program yang dijalankan di bawah NBOS sebelum ini dikembangkan lagi dalam program ini. Lapan program telah digalurkan iaitu :-

- Perkongsian sumber dan tanggungjawab antara ATM dan PDRM
- Pengembangan Program Pemilihan Dalam Komuniti (PDK)
- Mewujudkan Komuniti Perkongsian Ketenteraan antara ATM, PDRM dan Rukun Tetangga
- Program pembentukan sahsiah khusus untuk golongan belia lepasan sekolah khususnya golongan yang berisiko.
- Kempen 1AMAN
- 1Malaysia Komuniti PERWANI
- Military Community Transformation Centre (MCTCs)
- University Community Transformation Centre (UCTCs)

PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI



Keazaman YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk memajukan Malaysia telah membuahkan hasil apabila fakta ekonomi membuktikan kesungguhannya untuk memastikan Malaysia mencapai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Budaya kerjanya bukan mencari imej populis atau bercakap kosong tetapi sebaliknya dibuktikan dengan tindakan yang sistematik sehingga membuahkan kejayaan. Antara bukti nyata ialah apabila pelaburan sektor swasta dalam PTE telah berjaya meraih sejumlah RM139.5 bilion pada tahun 2012.

Budaya kerjanya bukan mencari imej populis atau bercakap kosong tetapi sebaliknya dibuktikan dengan tindakan yang sistematik sehingga membuahkan kejayaan. Antara bukti nyata ialah apabila pelaburan sektor swasta dalam PTE telah berjaya meraih sejumlah RM139.5 bilion pada tahun 2012.





MENCIPTA PELUANG PEKERJAAN BAHARU

Di bawah kepimpinan Najib, sebanyak 110 projek yang diumumkan kerajaan berjaya mewujudkan 313,741 peluang pekerjaan baharu untuk rakyat. Ini membuktikan Najib sentiasa berusaha mencipta peluang-peluang kerja bagi memaksimumkan potensi sebenar rakyat Malaysia. Dengan penambahan pekerjaan baharu ini, kerajaan pimpinan Najib berjaya mengumpul hasil kerajaan Persekutuan sebanyak RM158,639 juta pada 2009 dan meningkat kepada RM159,653 juta pada 2010. Sesuatu yang membanggakan apabila pada 2011 hasil kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM183,375 juta dan terus meningkat kepada kira-kira RM186,906 juta pada 2012.

Najib sentiasa mengingatkan dirinya dan kerajaan pentadbirannya untuk memastikan had hutang negara tidak melebihi paras 55 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ia merupakan strategi pengurusan kewangan berhemat. Langkah ini berjaya diterapkan apabila pada 2011, negara mencatat defisit fiskal sebanyak 4.8 peratus daripada KDNK berbanding lima peratus sebelumnya.

PENCAPAIAN BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)

- Sektor pelancongan : Jumlah pelancong yang melawat Malaysia hampir 50 juta dengan jumlah PNK bernilai hampir RM100 bilion.
- Pembangunan Greater Kuala Lumpur : Projek My Rapid Transit (MRT) telah menawarkan 48 pakej kontrak berjumlah RM19.8 bilion dan 45% atau RM8.9 bilion diberi kepada kontraktor bumiputera.
- Sektor minyak dan gas : Projek RAPID di Pengerang bakal mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi kepada lebih 4,000 orang dan pekerja pembinaan kepada 20,000 orang.
- Minyak sawit : Berjaya menanam semula kira-kira 113,000 hektar kelapa sawit.
- Sektor kandungan dan infrastruktur komunikasi dan industri kreatif : Sebanyak RM547 juta keluaran kreatif berjaya di eksport dan 157,000 jam kandungan kreatif telah berjaya dihasilkan. Pembikinan filem *Life of Pi* telah berjaya meraih empat kemenangan daripada 11 pencalonan di Academy Awards.
- Perniagaan : Seramai 1,087 pemilik kedai runcit telah mendapat manfaat daripada program Transformasi Kedai Runcit atau TUKAR.





PERKUKUH PASARAN MODAL

Biarpun banyak cabaran yang dihadapi Najib dalam usahanya untuk merencana pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat, beliau tetap fokus pada apa yang akan dilaksanakan. Tanpa menoleh ke belakang, beliau terus berusaha memperkukuh pasaran modal bagi mempertingkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Dalam ucaptamanya di Persidangan Invest Malaysia 2012 (IMKL 2012) pada 29 Mei 2012, Najib mengumumkan lima inisiatif baru untuk terus memperkukuhkan pasaran modal dalam usaha kerajaan memacu ekonomi negara.

Inisiatif pertama adalah membabitkan usaha menangani jurang pertumbuhan dalam pasaran dengan memberi tumpuan khusus kepada pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (IKS), inovasi pasaran dan pembangunan bakat sedia ada dan baru. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah mengamanahkan Bursa Malaysia untuk menubuhkan sebuah yayasan yang dianggotai oleh pemegang kepentingan utama industri. Dengan itu, kerajaan memberi geran sebanyak RM100 juta kepada Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP) bagi menubuhkan yayasan tersebut yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Najib juga menyatakan inisiatif kedua, di mana kerajaan memberi pengurangan cukai dua kali ganda ke atas peruntukan dan perbelanjaan latihan bagi syarikat yang menyertai program Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) bermula Jun 2012. Beliau memperkenalkan pelbagai program untuk melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan inisiatif ini adalah untuk memastikan lebih banyak syarikat korporat turut terlibat dalam usaha murni ini.

Bagi inisiatif ketiga, sebagai Pemangku Menteri Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Najib menekankan pentingnya usaha mempromosikan kepelbagaian gender dalam bidang pekerjaan dan membantu wanita yang ingin kembali semula ke dunia pekerjaan. Justeru, kerajaan memberi insentif pengurangan cukai berganda untuk perbelanjaan latihan mulai 2013. Beliau juga menggalakkan syarikat senaraian awam utama menyatakan dalam Laporan Tahunan mereka, dasar aturan kerja anjal yang ditawarkan bagi menyokong usaha ini. Untuk itu, kementerian tersebut akan bekerjasama dengan TalentCorp bagi merealisasikan tujuan tersebut.

PASUKAN PETUGAS PASARAN MODAL

Menyedari pentingnya usaha menangani kerenah birokrasi, kerajaan menubuhkan Pasukan Petugas Pasaran Modal yang diketuai oleh Menteri Kewangan II, Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah. Pasukan ini membolehkan penerbit, pengantara dan pelabur mempunyai akses kepada kecekapan, keberkesanan dan kemudahan pasaran. Pasukan yang dilantik ini juga mencadangkan dan mengenal pasti program pelaksanaan bagi memperkemas dasar dan proses pengurusan pasaran.

Inisiatif seterusnya bertujuan untuk melindungi pelabur dan masyarakat awam. Tanggungjawab tersebut diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk meningkatkan jumlah Dana Pampasan Pasaran Modal dalam pasaran modal tempatan. Untuk itu, Najib berkata, sebuah dana baru yang berfungsi sebagai pusat sehenti untuk pelabur mendapatkan pampasan akan menggabungkan semua skim pampasan sedia ada, ditubuhkan membabitkan peruntukan sebanyak RM420 juta.

Najib menjelaskan semua tindakan awal ini bertujuan melahirkan pembangunan pasaran modal tempatan yang inovatif dan mapan serta menjadi pasaran pilihan multinasional ASEAN. Bagi beliau, pasaran modal yang berada pada kedudukan paling menarik dapat membantu memacu pertumbuhan ekonomi negara secara konsisten dan berterusan serta meletakkan Malaysia selangkah lebih maju daripada negara lain.

Menyedari pentingnya usaha menangani kerenah birokrasi, kerajaan menubuhkan Pasukan Petugas Pasaran Modal yang diketuai oleh Menteri Kewangan II, Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah.

Pasukan ini membolehkan penerbit, pengantara dan pelabur mempunyai akses kepada kecekapan, keberkesanan dan kemudahan pasaran. Pasukan yang dilantik ini juga mencadangkan dan mengenal pasti program pelaksanaan bagi memperkemas dasar dan proses pengurusan pasaran.



PELAN INDUK PASARAN MODAL KEDUA (CMP2)

Najib juga berkeyakinan bahawa dengan penganjuran pelbagai program berkaitan yang telah dilaksanakan kerajaan pimpinannya pada tahun 2010 hingga 2012, ia telah berjaya menyumbang kepada usaha memperkukuh pasaran modal negara. Terdahulu pada Persidangan Invest Malaysia 2011 yang diadakan pada 12 April 2011, Najib telah melancarkan Pelan Induk Pasaran Modal Kedua (CMP2) sebagai penyambung kepada pelan pertama dengan nilai pasaran modal diunjurkan berkembang kepada RM5.8 trilion dalam tempoh sepuluh tahun akan datang berbanding dengan RM2 trilion sekarang.

Beliau menegaskan pelan ini berkuat kuasa serta merta di bawah pelan perniagaan tahunan Suruhanjaya Sekuriti (SC). Najib berkata, bagi menghasilkan potensi sebenar pasaran, satu skim diperkenalkan untuk memudahkan peniaga dalam pasaran ekuiti menjadi peniaga berlesen dalam pasaran derivatif. Najib dengan penuh yakin berharap usaha ini perlu dilakukan bagi memastikan pasaran modal Malaysia mampu berkembang dengan risiko minima di dalam persekitaran yang terkawal.

Bagi Najib, pasaran saham Malaysia amat bersesuaian kepada kebanyakan syarikat senaraian awam berbanding dengan mana-mana di negara ASEAN dan bon negara adalah yang ketiga terbesar di seluruh Asia apabila ditandai aras berbanding KDNK dan pasaran modal Islam.

PENCAPAIAN GTP 2012

- › **BR1M diteruskan dan dijadikan inisiatif tahunan** Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM2.34 bilion dan memberi manfaat kepada lebih enam juta rakyat.

- › **Pendapatan purata isi rumah bulanan** meningkat RM4,025 (2009) kepada RM5,000 (2012).

- › **85 Kedai Rakyat 1Malaysia** telah berjaya dibuka dan 168 Klinik 1Malaysia.

- › **Peruntukan RM524 juta** untuk Bantuan Persekolahan RM100.

- › **Kadar jenayah** turun 27%.

- › **Peruntukan RM37.8 bilion** untuk pembiayaan pelbagai subsidi.

- › **Peruntukan RM97.5 juta** untuk Baucar Buku 1Malaysia.

- › **Kadar kemiskinan menurun 60%** (1957) kepada 1.7% (2012).

- › **Lebih 100,000** berjaya dikeluarkan daripada belunggu kemiskinan dalam tempoh tiga tahun di bawah program e-kasih.

- › **Penurunan kes jenayah** sebanyak 4,329

“ Model Baru Ekonomi dan prakarsa pembaharuan strategik bolehlah diibaratkan sebagai lebuhraya. Manakala ETP merupakan kenderaan yang menggunakan lebuhraya membawa kita ke destinasi akhir iaitu sebuah negara maju berpendapatan tinggi”

DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
Perdana Menteri Malaysia

Laporan Tahunan GTP dan ETP 2012
19 Mac 2013

PENCAPAIAN ETP 2012

- › **Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita** naik daripada RM796.7 (1957) kepada RM30,907 (2012).

- › **149 projek** sejak 2010 dengan pelaburan RM211.34 bilion.

- › **Kutipan cukai tertinggi** RM207 bilion (2012).

- › **Sumbangan PNK RM135.64 bilion** dengan peluang pekerjaan lebih 400,000.

- › **Kadar inflasi kekal pada paras rendah** iaitu 1.2 % dan antara yang terendah di rantau ini.

- › **Kuasa beli rakyat hampir dua kali ganda** pendapatan per kapita yang ada.

PENGIKTIRAFAN GLOBAL KEPADA MALAYSIA

NO. 1

Daripada segi akses kepada kemudahan kredit.

(sumber: World Bank Ease of Doing Business Report 2013)

KE-2

Kuala Lumpur diiktiraf sebagai pusat membeli belah kedua terbaik di Asia Pasifik.

(sumber: Global Shopper Index oleh Economic Intelligence Unit)

KE-4

Negara yang paling melindungi pelabur.

(sumber: Institute of Management Development dalam laporan World Competitiveness Yearbook 2012/2013)

KE-10

Destinasi menarik pelabur asing dalam Indeks Keyakinan Pelabur Asing 2012.

(sumber: Perunding Pengurusan Global AT Kearney)

KE-3

Lokasi menarik bagi destinasi penyumberan luar 2011 selepas India dan China.

(sumber: Perunding Pengurusan Global AT Kearney)

KE-3

Terbaik untuk persaraan bagi tahun 2013.

(sumber: International Living Magazine)

KE-12

Negara paling mesra perniagaan di dunia.

(sumber: World Bank Ease of Doing Business Report 2013)

KE-14

Negara paling berdaya saing di dunia.

(sumber: Institute of Management Development dalam laporan World Competitiveness Yearbook 2012/2013)

PENUTUP

MANDAT RAKYAT JAMIN KEJAYAAN TRANSFORMASI NEGARA

Najib menegaskan beliau dan kabinetnya memerlukan mandat rakyat bagi meneruskan kesinambungan perjuangan agenda transformasi negara dalam usaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Beliau menyatakan tanpa mandat jitu, segala perancangan untuk negara akan terjejas biarpun kerajaan mempunyai program dan perancangan yang terbaik untuk negara dan rakyatnya. Beliau berkata demikian semasa sesi dialog pada Persidangan Invest Malaysia 2012 (IMKL 2012) di Kuala Lumpur pada 29 Mei 2012.

Pada masa yang sama, Najib juga menekankan agar rakyat perlu bijak menilai kepimpinan yang terbaik bagi mentadbir negara kelak. Pihak yang hanya pandai menabur janji-janji kosong, tidak layak untuk mentadbir dan memajukan negara. Justeru, janji pihak pembangkang yang mahu menawan Putrajaya, menaikkan subsidi petrol, menghapuskan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM35 bilion, menghapuskan tol dan meningkatkan gaji minima kepada RM4,000 sebulan merupakan perkara yang tidak munasabah untuk dilaksanakan.

Tegas Najib, rakyat tidak perlu untuk menjadi pakar ekonomi untuk memahami semua janji itu sukar dipenuhi dan terlalu jauh untuk dicapai. Sebaliknya pembangkang hanya mahu meraih undi dan menjawat jawatan, tetapi tidak berhasrat untuk melaksanakan janji mereka.

Baginya MBE perlu terus dilaksanakan jika mahu Malaysia melakukan lonjakan kuantum daripada pendapatan per kapita USD7,000 kepada USD15,000 dalam tempoh sepuluh tahun akan datang dari tahun 2010. Beliau sedar ia bukan tugas yang mudah memandangkan transformasi yang hendak dilaksanakan memerlukan sokongan padu semua peringkat rakyat.

Baginya MBE perlu terus dilaksanakan jika mahu Malaysia melakukan lonjakan kuantum daripada pendapatan per kapita USD7,000 kepada USD15,000 dalam tempoh sepuluh tahun akan datang dari tahun 2010.

Beliau sedar ia bukan tugas yang mudah memandangkan transformasi yang hendak dilaksanakan memerlukan sokongan padu semua peringkat rakyat.



TINJAUAN MESRA



TINJAU MASALAH RAKYAT – Melawat PPR Kerinchi kawasan Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada 20 Januari 2012. Kanan: **TURUN PADANG** – Beramah mesra dengan penduduk Kampung Sungai Bedir ketika melawat kampung itu di Kuching, Sarawak pada 2 Mac 2012.



TUNJUK BAKAT – Memasak gulai kawah yang disediakan pada Majlis Perasmian Evolusi Kelab Najib Razak (KNR) 4B Malaysia di i-City, Shah Alam pada 9 Jun 2012. Kanan: Memasang skru pada plak yang disediakan sempena merasmikan majlis pembinaan perumahan semula untuk orang asli.

PEMURAH – Memberi sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan merupakan buah tangannya setiap kali menghadiri mana-mana program tinjauan mesra dengan rakyat.

TINJAUAN MESRA



PRIHATIN – Sentiasa mendengar keluh kesah dan menghayati denyut nadi rakyat merupakan keunikan dan kekuatan pentadbiran Najib.



TAK KEKOK – Mengalihkan char koi yang dimasak oleh salah seorang peniaga pada Majlis Perdana Menteri Bersama Rakyat 1Malaysia Parlimen Sandakan dan Parlimen Batu Sapi di Dewan Hakka, Sandakan, Sarawak pada 20 April 2012.

TINJAUAN MESRA



Rosmah tunjuk bakat memasak roti canai 1Malaysia ketika beramah mesra bersama peniaga pada Majlis Ramah Mesra Warga Penjaja dan Peniaga Kecil 1Malaysia di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 27 Mei 2012.



Bersalaman dengan penduduk yang menunggu ketibaannya pada majlis berbuka puasa bersama pemimpin di Kampung Padang Nanas, Kuala Terengganu pada 9 Ogos 2012.

TINJAUAN MESRA



PEMIMPIN BERJIWA RAKYAT – Orang ramai berpeluang melawat pameran 100 Hari Najib sebagai Perdana Menteri di Stesen KL Sentral pada 1 Julai 2009.



JELAJAH JANJI DITEPATI – Mendapat sambutan meriah oleh penduduk sempena tinjauan mesra di Batu Pahat, Johor pada 7 April 2012.

TINJAUAN MESRA



TURUN PADANG – Bersama-sama Jemaah Menteri melawat kawasan perumahan penduduk pada majlis Lawatan Jemaah Menteri ke Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Bukit Kenau, Pekan, Pahang pada 9 Februari 2011.



MERIAH – Bersama-sama Jemaah Menteri melihat kepelbagaian seni anyaman pada sesi lawatan ke Pusat Komuniti Perumahan Bersepadu Bukit Kenau, Pekan, Pahang.

TINJAUAN MESRA



BERI BANTUAN – Melawat sekitar kawasan yang terjejas akibat banjir kilat di Hulu Langat dan Ampang, Selangor pada 25 Mac 2012. Bantuan turut dihulurkan kepada 4000 mangsa banjir di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Dusun Tua di Hulu Langat.

Atas: **MESRA** – Tidak pernah mengabaikan golongan warga emas dalam apa jua program tinjauan mesra yang diikutinya. Bawah: **RAMAH** – Tinjauan mesra ke Rumah Sejahtera Seri Setia, Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor pada 22 Disember 2011.

SOKONGAN RAKYAT



SOKONGAN RAKYAT – Lautan manusia membanjiri mana-mana program yang dihadiri Najib tanda sokongan padu mereka kepada kepimpinan beliau.



Menyerahkan replika cek kepada salah seorang penerima pada Perhimpunan Peladang, Penternak dan Nelayan negeri Kedah di Pantai Merdeka anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Kedah pada 31 Oktober 2012.



Menyarungkan topi keledar kepada peserta ekspedisi motosikal terbesar di Malaysia, Perhimpunan 1Malaysia Bike Week di Putrajaya pada 11 November 2012.

TREK PM



MESRA – Melayani orang ramai yang ingin mengambil juadah makanan yang disediakan pada Rumah Terbuka Perdana Menteri dan Parlimen Pekan, Pahang pada 26 Ogos 2012.



MERIAH – Menerima kunjungan orang ramai yang tidak melepaskan peluang untuk bertemu dengan lebih dekat pemimpin nombor satu negara di Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2012 di Seri Perdana, Putrajaya pada 19 Ogos 2012.

TREK PM



Banyak pembaharuan yang dilaksanakan oleh Najib dalam memastikan kemudahan infrastruktur terutama pengangkutan awam lebih efisien dan selesa buat rakyat. Salah satunya, melancarkan *eco-friendly* bus bagi kemudahan rakyat Malaysia.



Merasai sendiri keselesaan laluan pejalan kaki bertingkat dan berhawa dingin sepanjang 1.173 kilometer menghubungkan Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Bukit Bintang, Kuala Lumpur pada 28 Februari 2012. Laluan ini memberi keselesaan kepada pengunjung kedua-dua pusat beli-belah dan pusat pelancongan utama di ibu negara itu.



Melancarkan silinder LPG 1 Malaysia di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Presint 10, Putrajaya pada 21 Mac 2012.

TREK PM



Sekitar majlis Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1Ma) yang berlangsung di Stadium Bukit Jalil pada 24 Jun 2012



SERONOK – Mencuba bermain dam papan dengan salah seorang pemandu teksi yang menyertai TR1Ma.

TREK PM



Melancarkan Maljis Pecah Tanah Bangunan Makamah Anak Negeri dan merasmikan sebuah jambatan baru yang menyeberangi Sungai Moyog di Kampung Inabong, Penampang, Sabah pada 13 Oktober 2012.

“ Kita harus memahami bahawa era kerajaan bertindak mengawal secara keterlaluan dan mengambil sikap ‘kerajaan lebih mengetahui’ (Government knows best) sudah berlalu. Kita akan hanya mampu mencapai cita-cita untuk Malaysia apabila kerajaan serta rakyat bersama-sama bersatu tenaga membina sebuah negara yang aman makmur”.

Taklimat media selepas pengumuman barisan kabinet
9 April 2009

BIBLIOGRAFI

Buku

- PEMANDU. GTP - *Laporan Tahunan 2011*. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), 2011. Spearheading Change-Exceeding Expectations. 22nd March, 2011.
- PEMANDU. *Program Transformasi Kerajaan*. Pelan Hala Tuju. Putrajaya: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB), 2011.
- *At Your Service: Jottings & Musings From The Public Service*. 2011. Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan Malaysia
- *Najib Tun Razak: Meneroka Perubahan Memperkasa Pencapaian*. 2010. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia
- *Najib Tun Razak: Melakar Transformasi Malaysia*. 2010. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia
- *Program Transformasi Kerajaan: Pelan Hala Tuju*. 2010. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri Transformation Under 1Malaysia. 2011. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia

Keratan Akhbar

- “ Seeking Success - Government to ensure GTP meets people’s expectations.” *The Star*, 28th March 2011.
- “ ETP Hits A Milestone” – RM170 billion in investments recorded since launch, says Najib. *The Star*, 28th March 2011.
- “ 9 Iniatif ETP.” - *Utusan*, 14th June 2011.
- “ Nuclear Power Corporation Set Up.” *New Straits Times*, 12th January 2011.
- “ Pusat Anak PERMATA Negara Tiada Agenda Politik.” *Utusan*, 3rd July 3 2011.
- “ PERMATA Programme Is For All Groups, Says Rosmah.” *The Star*, 3rd July 2011.
- “ Perrec Goes Green.” *New Straits Times*, 20th April 2011.
- “ People-Driven Change.” *New Straits Times*, 26th March 2011.

Websites

www.thestar.com.my
www.nst.com.my
www.bharian.com.my
www.pmo.gov.my
www.kpk.gov.my
www.bernama.com.my
www.utusan.com.my
www.wikipedia.com.org
www.pemandu.gov.my
www.rurallink.gov.my

www.permata.jpm.my
www.1malaysia.com.my
www.kpdnkk.gov.my
www.treasury.gov.my
www.moe.gov.my
www.mohe.gov.my
www.kpwkm.gov.my
www.kettha.gov.my
www.mot.gov.my
www.moh.gov.my

SINGKATAN ISTILAH DAN AKRONIM

1AZAM	– Akhiri Zaman Miskin
1M4U1	– Malaysia For Youth
1MDB	– Biasiswa 1Malaysia Development Bhd
1MOCC	– Pusat Panggilan 1Malaysia
AELB	– Lembaga Pelesenan Tenaga
AIM	– Amanah Ikhtiar Malaysia
AIPM	– Anugerah Inovasi Perdana Menteri
APA	– Akta Perhimpunan Aman
AS 1Malaysia	– Amanah Saham 1Malaysia
ATM	– Angkatan Tentera Malaysia
AUKU	– Akta Universiti dan Kolej Universiti
BB1M	– Bantuan Baucar Buku 1Malaysia
BERNAMA	– Pertubuhan Berita Nasional Malaysia
BET	– Bus Expressway Transit
BIRM	– Banci Isi Rumah Miskin
BN	– Barisan Nasional
BPR	– Badan Pencegah Rasuah
BR1M	– Program Bantuan Rakyat 1Malaysia
BSK	– Bantuan Sokongan Keluarga
BSN	– Bank Simpanan Nasional
CCTV	– Kamera Litar Tertutup
CGI	– Computer-Generated Imagery
CGPA	– Purata Nilai Gred Kumulatif
CIP	– Ikrar Integriti Korporat
CMDF	– Dana Pembangunan Pasaran Modal
CMP2	– Pelan Induk Pasaran Modal Kedua
CPT	– Ujian Penempatan Cambridge
DEB	– Dasar Ekonomi Baru
Dre1M	– Dana Sukarelawan 1Malaysia
DTHN	– Dasar Teknologi Hijau Negara
DUN	– Dewan Undangan Negeri
ECEC	– Early Childhood Education and Care
EKS	– Industri Kecil dan Sederhana
ERL	– Express Rail Link
FAMA	– Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FGVH	– FELDA Global Ventures Holdings
Genovasi	– Generasi dan Inovasi
GLC	– Syarikat Milik Kerajaan
GMM	– Pergerakan Kesederhanaan Global
GTP	– Program Transformasi Kerajaan
HD	– High-definition
HICOE	– Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi
HPV	– Human Papillomavirus
i-CoE	– Pusat Kecemerlangan Inovasi
ICU	– Unit Penyelarasan Pelaksanaan

IKS	– Perusahaan Kecil dan Sederhana
IMKL 2012	– Persidangan Invest Malaysia 2012
IPO	– Prospektus Tawaran Awal Permulaan
IPT	– Institusi Pengajian Tinggi
ISA	– Akta Keselamatan Dalam Negeri
JAKIM	– Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JASA	– Jabatan Hal Ehwal Khas
JCorp	– Johor Corporation
JKKK	– Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung
JKKN	– Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKM	– Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	– Jabatan Kerja Raya
JPAM	– Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
JPJ	– Jabatan Pengangkutan Jalan
JPW	– Jabatan Pembangunan Wanita
JPW	– Jabatan Pembangunan Wanita
K1M	– Komuniti 1Malaysia
KADS1M	– Kad Diskaun Siswa 1Malaysia
KAFA	– Kelas Al-Quran dan Fardu Ain
KAR1SMA	– Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia
KB1M	– Bot Klinik Bergerak 1Malaysia
KBS	– Kementerian Belia dan Sukan
KDNK	– Keluaran Dalam Negara Kasar
KeTTHA	– Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air
KKLW	– Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KKR1M	– Kedai Kain 1Malaysia
KLCC	– Kuala Lumpur Konvensyen Center
KPDNKK	– Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan
KPI	– Petunjuk Prestasi Utama
KPKK	– Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
KPWKM	– Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KR1M	– Kedai Rakyat 1Malaysia
KTMB	– Keretapi Tanah Melayu Berhad
KWSP	– Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LKIM	– Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LRT	– Komuter dan Transit Aliran Ringan
MAPPA	– Majlis Perdana Perkhidmatan Awam
MARA	– Majlis Amanah Rakyat
MAS	– Syarikat Penerbangan Malaysia
MBE	– Model Baru Ekonomi
MCTCs	– Military Community Transformation Centre
MILF	– Barisan Pembebasan Islam Moro
MITC	– Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka
MOSTI	– Kementerian Sains dan Inovasi
MPN	– Majlis Profesor Negara

SINGKATAN ISTILAH DAN AKRONIM

MR1M	– Menu Rakyat 1Malaysia
MRT	– Mass Rapid Transit
MyBN	– My Beautiful Neighbourhood
MyCoID	– Nombor Identiti Korporat Malaysia
MyNIC	– Pusat Inovasi Negara
NBI	– Pelan Jalur Lebar Negara
NBOS	– Blue Ocean Strategy
NGO	– Badan Bukan Kerajaan
NKEA	– Bidang Ekonomi Utama Negara
NKPI	– Indeks Petunjuk Prestasi Negara
NKRA COL	– NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat
NKRA LIH	– NKRA Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah
NKRA RBI	– NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar
NKRA UPT	– NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar
NKRA	– Bidang Keberhasilan Utama Negara
OKU	– Orang Kurang Upaya
PATI	– Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	– Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	– Polis Diraja Malaysia
PERNAMA	– Perwira Niaga Malaysia
PGK	– Pendapatan Garis Kemiskinan
PMR	– Program Penjanaan Minda Rakyat
PNK	– Pendapatan Negara Kasar
PPD	– Pejabat Pendidikan Daerah
PPP	– Program Pemulihan Pemasarakatan
PPP	– Program Penyenggaraan Perumahan
PPR	– Program Perumahan Rakyat
PPRM	– PPR Dimiliki
PPRS	– PPR Disewa
PR1MA	– Projek Rumah 1Malaysia
PRS	– Penubuhan Skim Persaraan Swasta
PSPTN	– Teras Ketiga Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
PTE	– Program Transformasi Ekonomi,
PTK	– Program Transformasi Kerajaan
PTPTN	– Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PWTC	– Pusat Dagangan Dunia Putra
QIP	– Taman Perindustrian Qinzhou
RELA	– Ikatan Relawan Rakyat Malaysia
RISDA	– Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RMK-10	– Rancangan Malaysia Kesepuluh
RTC	– Pusat Transformasi Luar Bandar
RTM	– Jabatan Penyiaran
RTP	– Program Transformasi Luar Bandar
SARA 1Malaysia	– Skim Amanah Rakyat 1Malaysia

SBT	– Sekolah Berprestasi Tinggi
SC	– Suruhanjaya Sekuriti
SCP	– Program Bandar Selamat
SDO	– Pejabat Pembangunan Negeri Selangor
SDSI	– Program Satu Daerah Satu Industri
SHAKAM	– Skim Hadiah Kemenangan Sukan
SIP	– Program Pembangunan Prestasi Sekolah
SIPartner	– Rakan Pembimbing Pembangunan Sekolah
SISC	– Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah
SKMM	– Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SL1M	– Skim Latihan 1Malaysia
SLAI	– Skim Latihan Akademik IPTA
SPAD	– Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
SPM	– Sijil Pelajaran Malaysia
SPMM	– Standard Penarafan Masjid Malaysia
SPNB	– Syarikat Perumahan Negara berhad
SPRM	– Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPV	– Syarikat Tujuan Khas
SRS	– Skim Rondaan Sukarela
SSP	– Sukarelawan Simpanan Polis
TBS	– Terminal Bersepadu Selatan
TC	– Talent Corporation
TERAJU	– Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TRX	– Tun Razak Exchange
UAP	– Program Duta Universiti
UCTCs	– University Community Transformation Centre
UIAM	– Universiti Antarabangsa Islam Malaysia
UiTM	– Universiti Teknologi Mara Malaysia
UNGA	– Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNPSA	– Anugerah Perkhidmatan Awam
UPSI	– Universiti Perguruan Malaysia
USIM	– Universiti Sains Islam Malaysia
USM	– Universiti Sains Malaysia
UTM	– Universiti Teknologi Malaysia
UTP	– Program Transformasi Bandar
YA1M	– Yayasan Artis 1Malaysia
YPP1M	– Yayasan Pembangunan Pondok 1Malaysia
ZELC	– Zhuzhou Electric Locomotive Company

SUBJEK INDEKS

PENDAHULUAN

- Mendepani Cabaran Melakar Kejayaan 14
- Janji Dikota 17

BIOGRAFI

- Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak 19

GAGASAN 1MALAYSIA

- Agenda Diteruskan, Janji Ditunaikan 22
- Denyut Nadi Rakyat Dirasai 23
- Janji Ditepati, Hasil Dituai 26
- Penggerak Gagasan 1Malaysia 27
- Program Prihatin 1Malaysia 27
- Produk 1Malaysia 29

NKRA

- **BERJAYA MEMENUHI HARAPAN DAN ASPIRASI RAKYAT** 30
- **NKRA MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT (NKRA COL)** 32
 - Inisiatif NKRA COL 32
 - Subsidi Untuk Barangan Makanan Asas 32
 - Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KARISMA) 34
 - Bantuan Warga Emas 34
 - Kedai Rakyat 1Malaysia 35
 - Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M) 36
- **BANTUAN TUNAI DARIPADA KERAJAAN** 37
 - Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 37
 - Bantuan Persekolahan RM100 39
 - Bantuan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) 39
 - Kedai Kain 1Malaysia (KKR1M) 40
 - Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) 40
- **NKRA MELUASKAN AKSES PENDIDIKAN BERKUALITI DAN BERKEMAMPUAN** 41
 - Prasekolah 43
 - LINUS 43
 - Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) 43
 - Tawaran Baharu Kepada Pengetua / Guru Besar 43
 - Program Pembangunan Prestasi Sekolah (SIP) 44
 - Piagam Guru 44
 - Pemantapan Bahasa Inggeris 44
 - PERMATA Negara 45
 - Program Duta Universiti (UAP) 46
 - Biasiswa 1Malaysia Development Bhd (1MDB) 46
 - Majlis Profesor Negara (MPN) 47
 - Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) 47
 - Program MyBrain15 47

- **NKRA MENGURANGKAN KADAR JENAYAH** 48
 - Program 'Omnipresence' 48
 - Program Bandar Selamat (SCP) 49
 - Jadual Liga Balai, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan Memperluaskan Rakan Cop 49
- **NKRA MEMERANGI RASUAH** 50
 - Malaysia Memperbaiki Skor Indeks Persepsi Rasuah 50
 - Mengurangkan Peluang Berlakunya Rasuah Melalui Automasi 50
 - Penubuhan Mahkamah Khas Rasuah 51
 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 51
 - Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 52
 - Ikrar Integriti Korporat (CIP) 52
 - Suruhanjaya Integriti 52
- **NKRA MEMPERTINGKATKAN TARAF HIDUP ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH (NKRA LIH)** 53
 - Program 1AZAM 54
 - Program Bantuan Rumah 55
 - Peralihan Kategori Isi Rumah 55
 - Meningkatkan Pemilikan Rumah 55
 - Skim Perlindungan Insurans 1AZAM 55
 - Sistem e-Kasih 56
 - Usahawan Wanita 57
 - Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (PRMR1M) 57
- **NKRA INFRASTRUKTUR ASAS LUAR BANDAR (NKRA RBI)** 58
 - Jalan Raya 58
 - Bekalan Air Bersih 59
 - Bekalan Elektrik 61
 - Rumah Golongan Miskin Luar Bandar 63
- **PROGRAM SOKONGAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** 64
 - Program Transformasi Luar Bandar 64
 - Dana Perkhidmatan Profesional 65
 - Program Lonjakan Mega Luar Bandar 65
- **NKRA MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR (NKRA UPT)** 66
 - Kejayaan NKRA UPT 67
 - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat 2010 68
 - Penambahbaikan Rangkaian 68
 - Terminal Bersepadu Bandar Tasik Selatan (ITT BTS) 69
 - Mempertingkatkan Kualiti Perhentian Bas 69
 - Lapan Laluan BET 71
 - Pertambahan Unit Bas RapidKL 71
 - Meningkatkan Kapasiti Rel 71

SUBJEK INDEKS

PERUBAHAN DALAM PERUNDANGAN	72
• Memansuhkan Undang-Undang Yang Sudah Tidak Relevan	72
• Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012	72
• Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974	72
• Akta Penerbitan dan Percetakan	72
HADIAH KEPADA KOMUNITI	77
• Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)	77
• Pusat Transformasi Bandar (UTC)	81
• Pasar Bergerak 1Malaysia (PB1M)	82
• Kedai Makan Asnaf 1Malaysia	82
• Program Integrasi 1Malaysia Bersama Air Asia	82
• Bantuan Tayar 1Malaysia (BT1M)	82
• Program Susu 1Malaysia	83
• Taska 1Malaysia	83
• Program Jualan Kembali Ke Sekolah (JKKS)	83
• Tuisyen Rakyat 1Malaysia (i-TR1M)	83
KESIHATAN RAKYAT SATU KEUTAMAAN	84
• Klinik 1Malaysia	84
• Bot Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) dan Perkhidmatan Kesihatan Menerbang	87
• Klinik Pergigian Bergerak 1Malaysia	87
• Sekolah Dalam Hospital	90
• Imunisasi HPV, Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1Malaysia dan Mamogram Percuma	91
PERUMAHAN YANG MAMPU DIMILIKI	92
• Projek Rumah 1Malaysia (PRIMA)	92
• Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)	94
• Program Perumahan Rakyat (PPR)	94
• Skim Mudah Milik	95
• Skim Rumah Pertamaku	97
MENJANA PENINGKATAN EKONOMI MENERUSI PERNIAGAAN	98
• Penubuhan Ekuinas	98
• Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)	100
• <i>Sweat Equity</i>	101
• TERAS	101
• Penyenaraian FGVH	102
• Durian Runtuh FELDA	102
• Tun Razak Exchange Ikon Komuniti Perniagaan	105
• Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID)	106
• Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal Dan Get Malaysian Business Online	106
• SARA 1Malaysia (Skim Amanah Rakyat 1malaysia)	106
PEMBANGUNAN UMMAH	108
• Imbuan Khas Qari / Qariah dan Penubuhan TV Alhijrah	108
• Program Khas Haji	108
• IslamGRID	111

• Geran Bantuan Sokongan Keluarga	111
• Lantikan Hakim Syarie Wanita	112
• Standard Penarafan Masjid Malaysia (SPMM) Dan Raudhatul Sakinah	112
• Yayasan Pembangunan Pondok 1Malaysia (YPP1M)	113
PENERANGAN DAN KOMUNIKASI	114
• Rumah Terbuka	114
• Dana Industri Kreatif	116
• Yayasan Artis 1Malaysia	117
• Skim Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi	118
• Pusat Internet Rakyat, Pusat Mini Komuniti Jalur Lebar Dan 1 Juta 'Notebook'	119
MEMULIHARA ALAM SEKITAR	120
• Dasar Teknologi Hijau Negara (DTHN)	120
SAINS TEKNOLOGI PEMACU INOVASI	123
• Pusat Inovasi Negara (MyNIC) dan Pusat Kecemerlangan Inovasi (i-CoE)	123
• GENOVASI	123
BELIA BERWAWASAN TUNJANG NEGARA	
• <i>My Beautiful Malaysia</i>	124
• <i>1Malaysia For Youth</i> (1M4U)	126
• Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRE1M) dan Stesen Radio 1M4U	126
• 1Malaysia For Youth (1M4U) Outreach Centre	127
• Program Hari Belia Negara	127
• Program Pewaris Muda Negara	128
• Forum Tindakan Belia	128
• Akademi Bola Sepak	128
• Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM)	129
MEMPERKASA MODAL INSAN	130
• Hari Malaysia	130
• Skim Latihan 1Malaysia (SL1M)	130
• Talent Corporation (TC)	132
• Kadar Gaji Minimum Sektor Swasta	132
• Penubuhan Skim Persaraan Swasta (PRS)	133
• Pemberian Bonus Sebulan Setengah	133
• Menyelaraskan Pencen	134
• Insentif Khas Tentera	134
• <i>Small Office Home Office</i>	135
• Cuti Bersalin Bergaji Penuh	135
• Rawatan Perubatan Secara Percuma Kepada Pesara	135
• Had Umur Bersara Wajib 58 Tahun Kepada 60 Tahun	136
• Kenaikan Gaji	136
• Elaun Bulanan Imam Dan Guru KAFA	137
• Skim Perkhidmatan Pegawai Kanan Polis Dan Pegawai Rendah Polis Serta Konstabel	137
• Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan, Pergigian Dan Farmasi	138
• Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC)	139

SUBJEK INDEKS

SUMBANGAN KEPADA DUNIA	140
• Pergerakan Kesederhanaan Global (GMM)	140
• Malaysia – ASEAN	140
• Malaysia – China	143
• Malaysia – Amerika	144
• Malaysia Pengantara Perundingan Damai Kerajaan Filipina Dan MILF	145
• Perjanjian Penguatkuasaan Lawatan	146
• Malaysia – Palestin	147
• Malaysia – Jepun	147
STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)	148
• NBOS 1	150
• NBOS 2	151
• NBOS 3	152
• NBOS 4	153
• NBOS 5	154
• NBOS 6	154
• NBOS 7	155
• NBOS 8	155
PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI	156
• Pencapaian Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)	158
• Mencipta Peluang Pekerjaan Baharu	160
• Perkuh Pasaran Modal	158
• Pasukan Petugas Pasaran Modal	161
• Pelan Induk Pasaran Modal Kedua (CMP2)	163
• Pencapaian GTP 2012	164
• Pencapaian ETP 2012	165
• Pengiktirafan Global Kepada Malaysia	166
PENUTUP	168
• Mandat Rakyat Jamin Kejayaan Transformasi Negara	168
TINJAUAN MESRA	170
SOKONGAN RAKYAT	182
TREK PM	184



TERIMA KASIH



Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku

HADIAH PM NAJIB UNTUK RAKYAT

Jabatan Perdana Menteri
Pejabat Perdana Menteri
Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
BERNAMA
Arkib Negara Malaysia
Utusan Malaysia Berhad
Berita Harian